

Rabu
28 Oktober 2026
17 Jamadilawal 1448H

Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin

Slovakia jalin kerjasama perniagaan dengan Sabah 2 | POIC Lahad Datu sebagai Zon Ekonomi Khas 6 | PESAN Sabah perkukuh persiapan menghadapi bencana 8 | Man Utd kekal dibelenggu kemerosotan prestasi 5

Email: utusanborneokk@gmail.com

SABAH PERKASA BAHASA KEBANGSAAN

● Hadapi cabaran AI, perluas penggunaan di tempat awam serta perkukuh pematuhan dalam urusan rasmi

RASMI: Hajiji menyempurnakan Gimik Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Sabah.

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri akan terus memberikan perhatian serius terhadap usaha memperkasa bahasa kebangsaan dalam mendepani cabaran era digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI).

Ia termasuk memperluas penggunaannya di tempat awam serta memperkukuh pematuhan dalam urusan rasmi.

Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, usaha itu turut merangkumi pemerkasaan pantun dan tulisan Jawi, penyelidikan pelbagai bahasa serta sastera etnik dan pengembangan industri buku yang menampilkan penulis dari Sabah.

"Saya juga mahu melihat anak-anak muda Sabah, para pempengaruh digital dan penggiat industri kreatif tempatan memanfaatkan teknologi bagi menyuburkan penggunaan bahasa kebangsaan," katanya berucap merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2026 Peringkat Negeri Sabah, di sini, semalam.

Hajiji berkata, Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) bukan sahaja memfokuskan pertumbuhan ekonomi, infrastruktur dan sektor strategik, malah turut menitikberatkan pembangunan modal insan serta kesejahteraan rakyat yang berjiwa merdeka, beridentiti dan mempunyai jati diri kukuh.

Katanya, kerajaan negeri akan terus memperkukuh kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memartabatkan bahasa serta sastera kebangsaan menerusi pelbagai kegiatan, penyelidikan dan penerbitan.

Beliau turut menghargai usaha DBP memperluas penerbitan buku dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk karya yang menampilkan wajah tempatan, selain mengembangkan bakat penulis muda serta penyelidikan dan mendokumentasikan bahasa serta etnik tempatan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Hajiji berkata, kerajaan negeri berharap kerjasama dengan DBP, agensi berkaitan dan persatuan penulis dapat diperkukuh bagi menjadikan Sabah negeri suri teladan dalam pemupukan budaya ilmu dan pengembangan kesusasteraan dan penggunaan bahasa kebangsaan yang cemerlang.

Katanya, usaha mengangkat Kota Kinabalu sebagai Kota Sastera perlu digiatkan dengan menyemarakkan pelbagai kegiatan bahasa dan sastera.

Beliau turut menyambut baik penganjuran Karnival Bahasa Kita, Tanggungjawab Kita yang merangkumi wacana pemerkasaan bahasa dalam media, bicara tulisan Jawi dan pemantapan seni berpantun.

Hajiji berkata, generasi muda perlu menguasai pelbagai bahasa bagi meningkatkan daya saing tanpa mengetepikan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan, khususnya ketika berkomunikasi di platform media sosial.

"Kepada generasi muda, dalam rancaknya penggunaan dan komunikasi dalam pentas dan platform pelbagai media sosial, jiwa dan semangat mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan santun haruslah menebal. Dalam ruang kebebasan bersuara dalam pelbagai medium, batasnya ialah kesantunan berbahasa dan bahasa yang baik," katanya.

Mengulas tema BBK 2026, Bahasa Kita, Wajah Kita, Hajiji berkata, tema itu selaras dengan semangat Bahasa Jiwa Bangsa yang mengingatkan masyarakat bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi harian, sebaliknya cerminan identiti, jati diri, pemikiran dan keperibadian bangsa.

Katanya, penggunaan bahasa kebangsaan yang indah, terampil, beradab dan bersopan turut mencerminkan kematangan serta maruah bangsa bertamadun, sejajar dengan hasrat Malaysia MADANI yang berteraskan nilai kemasyarakatan, kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat-menghormati dan keyakinan.

Beliau berkata, perpaduan kaum dapat diperkukuh melalui penggunaan bahasa kebangsaan secara berhemah dengan menghormati kepelbagaian kaum dan etnik, manakala penulisan, sastera serta media kreatif dapat menjadi wadah memupuk daya cipta dan melahirkan masyarakat berminda kelas pertama.

Dalam konteks Sabah, Hajiji berkata, kepelbagaian etnik, budaya dan dialek yang unik disatukan secara harmoni melalui bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu bertindak sebagai ejen penyatuan yang membolehkan rakyat Sabah yang berbilang kaum bertutur, memahami dan bekerjasama dalam suasana yang penuh muhibah.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa usaha memartabatkan bahasa kebangsaan tidak bermaksud menutup ruang atau meminggirkan kepelbagaian bahasa ibunda serta etnik yang kaya di Sabah.

Hajiji mengajak seluruh rakyat memperteguh tekad menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

Sabah Electricity uji motosikal elektrik untuk operasi lapangan

KOTA KINABALU: Sabah Electricity meneroka penggunaan motosikal elektrik menerusi projek perintis membabitkan lima unit kenderaan itu bagi meningkatkan kecekapan operasi lapangan, mengoptimumkan kos operasi dan menyokong kelestarian alam sekitar.

Lima unit motosikal elektrik itu diserahkan untuk kegunaan pembaca jangka di Bahagian Retail bagi menilai kesesuaian teknologi berkenaan dalam tugasan harian.

Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Electricity, Datuk Mohd Yaakob Jaafar semasa menyempurnakan majlis penyerahan kunci projek perintis itu berkata pemilihan pembaca jangka sebagai kumpulan perintis dibuat kerana tugasan mereka memerlukan pergerakan kerap ke pelbagai lokasi pelanggan setiap hari, sekali gus membolehkan prestasi motosikal elektrik dinilai dalam keadaan operasi sebenar.

ELEKTRIK: Mohd Yaakob meneliti motosikal elektrik semasa menyempurnakan majlis penyerahan kunci projek perintis terbabit.

"Sepanjang tempoh percubaan enam hingga 12 bulan, Sabah Electricity akan menilai kecekapan tenaga, jarak perjalanan, ketahanan bateri, kos penyelenggaraan, aspek keselamatan serta kesesuaian motosikal berkenaan dengan keadaan geografi dan keperluan operasi di Sabah.

"Penggunaan motosikal elektrik berpotensi mengurangkan penggunaan petrol bagi perjalanan operasi, selain membuka peluang penjimatan kos bahan api dan penyelenggaraan.

Lihat Muka 7

Kerajaan pertahan peruntukan pembangunan lebih besar untuk Sabah, Sarawak

KUALA LUMPUR: Kerajaan mempertahankan keputusan menyediakan peruntukan pembangunan lebih besar untuk Sabah dan Sarawak berdasarkan keperluan geografi serta infrastruktur di kedua-dua negeri berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keperluan tersebut termasuk keadaan jalan raya yang masih teruk di beberapa kawasan di Sabah meskipun jumlah penduduknya lebih kecil berbanding negeri lain.

"Jangan kita lihat dari segi kaca mata satu negeri, iaitu untuk kepentingan melayani Sabah dan Sarawak.

"Tidak, Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) itu mesti dilihat sebagai waad nasional. Kepentingan kita untuk menjaga kepentingan semua," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran) pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Ronald meminta penjelasan mengenai tindakan mengurangkan atau tidak memperuntukkan dana bagi sebahagian projek di Sabah dan Sarawak di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), sedangkan berdasarkan MA63 kedua-dua negeri berhak mendapat lebih peruntukan, selain membangkitkan kemungkinan perkara itu dipengaruhi perbezaan politik.

Menjawab perkara itu, Anwar berkata peruntukan pembangunan untuk Sabah dan Sarawak yang diumumkan dalam Belanjawan 2027 tidak termasuk perbelanjaan bagi projek di bawah KKDW yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen berkenaan.

"....yang kita umumkan itu projek-projek yang diluluskan mengikut perkiraan terkini," katanya.

Anwar berkata kerajaan mengakui peruntukan pembangunan tidak akan dapat memenuhi semua keperluan, namun tadbir urus yang baik perlu dipastikan bagi mengelakkan ketirisan.

Beliau berkata urusan perolehan dan pemberian kontrak juga perlu diteliti supaya mematuhi peraturan serta mengambil kira keupayaan pelaksanaan projek berkenaan.

— Bernama

Bomba selamatkan wanita di tingkat 12 bumbung kondominium

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Seorang wanita berusia lingkungan 20-an berjaya diselamatkan pasukan bomba selepas ditemukan di atas bumbung sebuah kondominium 12 tingkat di Jalan Tanjung Aru, di sini, malam Isnin.

SELAMAT: Pihak bomba menghantar wanita itu ke Hospital Queen Elizabeth I menggunakan jentera EMRS dengan diiringi anggota polis bagi rawatan lanjut.

Wanita berkenaan berjaya ditenangkan selepas anggota bomba memujuknya dengan bantuan teman lelakinya sebelum dibawa ke tempat selamat.

Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Kinabalu, Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Hannis Moktar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 8.36 malam.

Katanya, seramai sembilan anggota bersama jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi, pasukan bomba mendapati seorang wanita berada di atas bumbung kondominium berkenaan.

"Anggota bomba kemudian berkomunikasi dengan wanita terbabit dan berusaha memujuknya dengan bantuan teman lelakinya sehingga berjaya ditenangkan," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, wanita itu kemudian dihantar ke Hospital Queen Elizabeth I menggunakan jentera EMRS dengan diiringi seorang anggota polis bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Beliau berkata, operasi yang turut dibantu lapan anggota polis itu berjaya dikawal pada jam 9.57 malam sebelum ditamatkan sepenuhnya pada jam 10 malam.

Waktu Solat

Imsak	Subuh	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
Pantai Barat (Kota Kinabalu)					
4:42 am	4:52 am	12:02 pm	3:21 pm	5:59 pm	7:09 pm
Bandar Sandakan, Bukit Garam, Semawang, Tomanggong, Bukit Garam dan Kinabatangan (Zon I)					
4:34 am	4:44 am	11:54 am	3:14 pm	5:52 pm	7:02 pm
Sandakan (Barat) Terusan, Beluran, Kuamut, Paitan, Telupid, Tongod dan Pinangah (Zon II)					
4:38 am	4:48 am	11:58 am	3:18 pm	5:56 pm	7:06 pm
Tambisan, Sahabat, Tungku, Semporna, Silabukan, Lahad Datu dan Kunak (Zon III)					
4:32 am	4:42 am	11:52 am	3:12 pm	5:50 pm	7:01 pm
Tawau (Barat) Balong, Bandar Tawau, Pulau Sebatik, Merotai dan Kalabakan (Zon IV)					
4:35 am	4:45 am	11:55 am	3:15 pm	5:54 pm	7:04 pm
Kudat, Kota Marudu, Pitas, Pulau Banggi (Zon V)					
4:39 am	4:49 am	11:58 am	3:18 pm	5:54 pm	7:05 pm
Pensiangan, Nabawan, Sook, Sepulut, Tambunan dan Keningau (Zon VIII)					
4:41 am	4:51 am	12:01 pm	3:20 pm	5:58 pm	7:09 pm
Tenom, Long Pasia, Membakut, Beaufort, Kuala Penyu, Weston, Menumbok dan Sipitang (Zon IX)					
4:43 am	4:53 am	12:03 pm	3:23 pm	6:01 pm	7:12 pm

Diterbitkan oleh: Harian Borneo Sdn. Bhd. (No Syarikat 235591-D) & Dicetak oleh See Hua Daily News (S) Sdn. Bhd. (No Syarikat 202484-T) Editorial Tel: 088-318991, Fax: 088-315991: Pemasaran Tel: 088-318811, Fax: 088-318399

Slovakia menjalin kerjasama perniagaan dengan Sabah

Hajiji mengalu-alukan minat yang ditunjukkan oleh Slovakia

KOTA KINABALU: Republik Slovakia menyatakan minat untuk melabur dalam pelbagai sektor di Sabah, termasuk pengurusan pemantauan jalan raya.

Duta Besar Republik Slovakia ke Malaysia, Peter Spišiak, menyatakan perkara itu ketika mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, di Menara Kinabalu, semalam.

Spišiak turut berkata, Slovakia mempunyai kepakaran dalam bidang pemantauan air dan sektor pertahanan serta berharap dapat meneroka peluang kerjasama dalam bidang berkenaan dengan Sabah.

Sebagai respons, Hajiji mengalu-alukan minat yang ditunjukkan oleh Slovakia untuk menjalin kerjasama perniagaan dengan Sabah.

BINCANG: Spišiak berbincang dengan Hajiji (kanan) ketika dalam pertemuan itu.

Turut mengiringi Spišiak ialah Pegawai Diplomatik Hal Ehwal Perdagangan dan Ekonomi Kedutaan Slovakia, Natália Furdová, dan Konsul Kehormat Republik Slovakia di Kota Kinabalu, Datuk Seri Panglima Wong Khen Thau.

Hadir sama ialah Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Ceasar Mandela Malakun.

FKB Sarawak 2026, platform usahawan promosi produk kraf Malaysia

KUCHING: Festival Kraf Borneo (FKB) Sarawak 2026 yang berlangsung bermula 23 Oktober hingga 1 November ini menyediakan platform kepada usahawan kraf untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf Malaysia kepada masyarakat tempatan dan pelancong.

Festival berkenaan diadakan di Kuching Waterfront anjuran Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia).

Ia merupakan salah satu komponen utama bagi Program Sarawak Regatta-Kuching Waterfront Festival 2026 yang bertaraf antarabangsa.

Penganjuran FKB Sarawak 2026 turut bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap produk kraf beridentitikan Malaysia.

Majlis perasmian festival itu disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC Datuk Mohd Yusri Mohd Yusoff; Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia Abdul Halim Ali dan Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak, Mohd Fu'ad Ariffin.

Pada majlis ini, tetamu kehormat berkesempatan melawat pameran dan menyantuni usahawan dan komuniti kraf yang terlibat di reruai aktiviti Jualan Produk Kraf.

Seramai 101 usahawan kraf yang merangkumi bidang kraf tekstil, hasil tanah, hasil logam, hasil rimba dan aneka kraf menyertai FKB sarawak 2026.

Selain itu, aktiviti jualan kraf juga melibatkan 19 Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Kraf di Negeri Sarawak.

Pelbagai pengisian aktiviti menarik turut disediakan kepada pengunjung di FKB 2026 antaranya Padanan Perniagaan, Jualan Produk Kraf, Pameran Produk Kraf, Pameran Jom Masuk IKN, Demonstrasi Pembuatan Produk Kraf, Pengembangan Ilmu, Bicara Keusahawanan Kraf dan Aktiviti Galakan Pengunjung.

Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak di talian 082-444205.

RASMI: Abdul Karim bersama tetamu jemputan lain ketika melancarkan perasmian Festival Kraf Borneo Sarawak 2026 di Kuching Waterfront, Sarawak.

275 murid meriahkan Merentas Desa SK St Theresa Inobong

Oleh Hamzah Sanudin

PENAMPANG: Seramai 275 murid Sekolah Kebangsaan (SK) St Theresa Inobong menyertai program Merentas Desa 2026 bagi memupuk amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal dan mental serta menyemai semangat kesukanan.

Program tahunan yang berlangsung pada 16 Oktober lalu itu membabitkan murid prasekolah hingga Tahun Enam dengan laluan sejauh tiga hingga lima kilometer di sekitar kawasan berhampiran sekolah.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK St Theresa Inobong, Paul Mathew berkata, program berkenaan bukan sahaja menggalakkan murid menjalani kehidupan aktif, malah mengeratkan hubungan antara warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

"Program Merentas Desa ini memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga sekolah, PIBG serta komuniti setempat kerana penganjurannya memerlukan sokongan semua pihak untuk memastikan acara berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata, PIBG sentiasa menyokong usaha sekolah memajukan bidang sukan, termasuk melalui sumbangan kewangan, dana sokongan serta bantuan dalam aspek keselamatan dan pelaksanaan program.

PELEPASAN: Chia melepaskan peserta sempena program Merentas Desa 2026 di Penampang.

Sementara itu, Guru Besar SK St Theresa Inobong, Chia Pui Ching Olivia berkata, sokongan padu PIBG memainkan peranan penting dalam menjayakan penganjuran program berkenaan.

Menurutnya, kerjasama erat antara pihak sekolah, PIBG dan komuniti setempat penting bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Program Merentas Desa ini memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga sekolah, PIBG serta komuniti setempat.

"Penganjurannya memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjayakannya," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup program itu.

Selain meningkatkan kecergasan, katanya, acara berkenaan turut menjadi platform untuk mencungkil bakat murid yang berpotensi dalam sukan olahraga, khususnya acara jarak jauh.

Dalam perkembangan berkaitan, Menurutnya, SK St Theresa Inobong mencatat pencapaian membanggakan dalam bidang sukan tahun ini apabila muncul Johan Keseluruhan Olahraga Peringkat Daerah Penampang serta meraih dua pingat perak pada peringkat negeri Sabah.

"Kejayaan itu mencerminkan komitmen murid, guru pembimbing, jurulatih dan pihak sekolah dalam membangunkan potensi sukan serta melahirkan atlet yang berdaya saing," katanya.

Program berkenaan turut diserikan dengan aktiviti senamrobik kendalian murid Tahun Enam, selain taklimat laluan dan keselamatan sebelum acara bermula.

St John Ambulance dan Polis Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Penampang turut memberikan kerjasama dalam aspek keselamatan serta kawalan lalu lintas, manakala Life Water Industries Sdn Bhd menyumbangkan minuman kepada peserta.

Lelaki warga asing lemas di Jeti Ko-Nelayan Kudat

Oleh Vivi Olviana Najurus

KUDAT: Seorang lelaki warga asing yang dilaporkan terjatuh ke laut dari sebuah bot nelayan di Jeti Ko-Nelayan, di sini, malam Isnin ditemukan lemas pagi Selasa.

Mangsa berusia lingkungan 20-an itu ditemukan pasukan nelayan yang melakukan selaman di sekitar lokasi kejadian kira-kira jam 10.20 pagi, selepas operasi mencari dan menyelamat (SAR) memasuki hari kedua.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kudat, Penolong Penguasa Bomba Darikson Galanang berkata, pihaknya menerima panggilan daripada Balai Polis Kudat berhubung kejadian itu pada jam 10.37 malam.

Katanya, sepasukan anggota bomba digerakkan ke lokasi dan mendapati seorang lelaki dilaporkan terjatuh ke laut dari sebuah kapal yang sedang berlabuh di jeti berkenaan.

"Rakan mangsa yang menyaksikan kejadian itu terlebih dahulu berusaha mencarinya dengan menyelam di sekitar jeti dan lokasi mangsa dipercayai terjatuh.

"Bagaimanapun, usaha berkenaan gagal menemukan mangsa sebelum pasukan bomba bersama polis menjalankan pencarian di permukaan air sekitar lokasi kejadian," katanya dalam kenyataan.

Darikson berkata, operasi pencarian terpaksa ditangguhkan pada jam 11.10 malam berikutan keadaan persekitaran yang gelap.

Menurutnya, operasi disambung semula pada jam 9.20 pagi Selasa dengan menggunakan bot penyelamat bomba bagi mencari mangsa di sekitar kawasan jeti.

"Pada jam 10.20 pagi, mangsa berjaya ditemukan pasukan nelayan yang melakukan selaman di kawasan mangsa dilaporkan terjatuh.

"Mangsa kemudian disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan pada jam 10.30 pagi sebelum diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, operasi yang turut membabitkan Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Zon Kudat serta bantuan beberapa agensi lain itu ditamatkan sepenuhnya pada jam 11 pagi.

ALBUM: Azizah merakamkan gambar kenangan bersama barisan kepimpinan Wanita Gagasan Rakyat dan Wanita GRS selepas kunjungan itu.

Azizah mahu lebih ramai wanita dalam kepimpinan GRS

KOTA KINABALU: Lebih ramai wanita perlu diberi peluang memegang peranan kepimpinan dalam Gabungan Rakyat Sabah (GRS).

Ketua Wanita GRS, Datuk Seri Panglima Azizah Mohd Dun berkata, usaha itu sekali gus mampu memperkukuh kerjasama dan mendekati masyarakat di peringkat akar umbi.

Beliau berkata, kerjasama erat antara kepimpinan wanita penting bagi memastikan gerak kerja gabungan itu tersusun dan sampai kepada masyarakat.

"Usaha mendekati akar umbi perlu diteruskan supaya suara, keperluan dan aspirasi masyarakat dapat difahami dengan lebih dekat. Wanita di lapangan berperanan menghubungkan kepimpinan parti dengan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Wanita Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat), di sini semalam.

Beliau berkata, penyertaan lebih ramai wanita dalam kepimpinan turut membawa pelbagai pandangan dan pengalaman dalam proses membuat keputusan.

"Peranan wanita perlu diperkukuh di semua peringkat bagi membantu membina GRS yang lebih kukuh dan inklusif," katanya.

Hadir sama Ketua Wanita Gagasan Rakyat, Datuk Redonah Bahanda; Penolong Setiausaha Wanita Gagasan Rakyat, Fahzean Mohiddin; Bendahari Wanita Gagasan Rakyat, Salmi Sarinoh; Ketua Penerangan Wanita Gagasan Rakyat, Senator Datuk Anna Bell Perian; Timbalan Ketua Penerangan Wanita Gagasan Rakyat, Julia Ahmad Bahrom; Setiausaha Wanita Gagasan Rakyat, Salmah Sait dan Ketua Penerangan Wanita GRS, Datin Atin Belinda.

Tawau Folklore bawa pembelajaran tempatan ke pentas Asia

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Pembelajaran yang berpaksikan budaya dan kehidupan setempat mampu menjadikan proses pendidikan lebih bermakna, sekali gus membantu murid membina keyakinan diri serta memahami identiti mereka.

Prinsip itu menjadi pegangan guru Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Tawau, Nurul Amirah Abdul Rahman, yang menerima pengiktirafan ICDL Asia Digital Educators' Award (DEA 2026) menerusi projek Tawau Folklore.

Menerusi perkongsian di Facebook, Nurul Amirah berkata, pengalaman itu mengukuhkan keyakinannya bahawa pembelajaran perlu bermula daripada persekitaran yang dekat dengan murid, termasuk keluarga, budaya dan tempat asal mereka.

Katanya, pendekatan berkenaan memudahkan murid memahami sesuatu perkara, membina keyakinan serta berkongsi cerita berdasarkan pengalaman dan kehidupan mereka sendiri.

"Pembelajaran perlu bermula dengan kehidupan persekitaran murid. Dari situ, mereka lebih mudah memahami, membina keyakinan dan senang berkongsi cerita," katanya.

ANUGERAH: Nurul Amirah, antara penerima pengiktirafan ICDL Asia Digital Educators' Award (DEA 2026) menerusi projek Tawau Folklore.

Beliau berkata, penggunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) turut membuka ruang kepada kaedah pembelajaran yang lebih fleksibel, kreatif dan relevan dengan keperluan semasa.

Menurutnya, persediaan menghadapi masa depan perlu bermula sejak sekolah rendah menerusi pembinaan asas pendidikan yang kukuh, penguasaan kemahiran semasa dan keberanian untuk mencuba perkara baharu.

"Harapan saya sebagai guru, semoga anak-anak ini mampu membina kehidupan yang lebih baik untuk keluarga mereka, serta membawa ilmu dan kemajuan kepada bumi Tawau sendiri.

"Kami mendidik hari ini dengan harapan mereka membangunkan tanah ini esok," katanya.

Nurul Amirah berkata, pendidikan bukan sekadar menyampaikan ilmu, malah perlu memberi peluang kepada murid mengenali warisan, menghargai budaya dan mengembangkan potensi melalui pengalaman pembelajaran yang dekat dengan kehidupan mereka.

Beliau turut menyifatkan pengiktirafan itu sebagai kejayaan bersama yang turut menjadi milik murid, rakan guru, ibu bapa dan semua pihak yang membantu menjayakan projek Tawau Folklore.

Dalam perkongsian sama, beliau merakamkan penghargaan kepada ICDL Asia, Danawa Education, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP), Pejabat Pendidikan Daerah Tawau serta Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan (USTP) atas peluang dan sokongan diberikan.

Penghargaan turut ditujukan kepada Guru Besar SK Taman Tawau, Kalsom Jan, Prof Zulkefli, rakan guru khususnya Edrea, selain murid, ibu bapa dan semua pihak yang menyumbang kepada pelaksanaan projek berkenaan.

Menurutnya, lebih 1,300 guru dari seluruh Asia Pasifik mendaftar bagi DEA 2026, membabitkan penyertaan dari Malaysia, Singapura, Thailand, Vietnam, Filipina, Uzbekistan, Sri Lanka, Indonesia, Taiwan, Kyrgyzstan dan China.

Pengiktirafan itu sekali gus mengetengahkan potensi pembelajaran berasaskan warisan tempatan yang digabungkan dengan teknologi digital, dengan kisah dari Tawau menjadi medium untuk menghubungkan identiti setempat dengan dunia pendidikan lebih luas.

KUSKOP tawar geran RM30,000 kepada koperasi baharu, galak penyertaan belia

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menawarkan geran permulaan hingga RM30,000 kepada koperasi baharu bagi menggalakkan penyertaan belia dalam gerakan koperasi, termasuk di kawasan luar bandar.

Timbalan Menterinya Datuk Mohamad Alamin berkata kementerian turut menyediakan pinjaman tanpa cagaran hingga RM200,000 melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), manakala koperasi berasaskan perikanan dan pertanian layak mendapat pembiayaan hingga RM600,000 pada kadar keuntungan tiga peratus atas baki berkurangan.

"Saya setuju dengan saranan untuk buka satu koperasi belia anak nelayan di Kuala Kedah. Saya akan minta Pengarah SKM Kedah untuk berjumpa dan berbincang bagaimana nak buka koperasi yang melibatkan anak nelayan," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurrazi (PN-Kuala Kedah) mengenai kesediaan kementerian menyediakan pakej pembangunan koperasi belia yang merangkumi pembiayaan, bimbingan pengurusan dan akses pasaran, termasuk projek rintis melibatkan anak nelayan dan pesawah di Kuala Kedah.

Dalam pada itu, Mohamad Alamin berkata sebanyak 235 koperasi dalam kumpulan sasar belia direkodkan di Kedah sehingga akhir 2025, melibatkan 157,820 anggota, aset bernilai RM63.27 juta dan perolehan berjumlah RM47.18 juta.

Beliau berkata SKM Kedah dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) turut melaksanakan program kesedaran berkoperasi, latihan serta pembangunan kepimpinan bagi menggalakkan lebih ramai belia menyertai gerakan koperasi, termasuk sebagai anggota lembaga koperasi.

Pada peringkat nasional, sebanyak 3,071 koperasi dalam kumpulan sasar belia didaftarkan di seluruh negara hingga 31 Disember 2025, melibatkan 2.43 juta anggota, aset bernilai RM1.3 bilion dan perolehan RM893 juta. — Bernama

KUSKOP salur hampir RM1 bilion kepada Sabah

Untuk perkukuh ekosistem keusahawanan, koperasi setakat September tahun ini, kata Mohamad

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) komited dalam memperkukuhkan ekosistem keusahawanan dan koperasi di Sabah dengan menyalurkan hampir RM1 bilion setakat September 2026.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamad Alamin, selain pembiayaan, KUSKOP turut memperkukuhkan infrastruktur perniagaan dengan melaksanakan 134 projek Tamu Desa di Sabah bagi menyediakan ruang niaga yang lebih selesa serta kondusif kepada usahawan luar bandar.

Katanya, seramai 45,000 orang usahawan dan koperasi di Sabah telah menerima dana pembiayaan yang berjumlah hampir RM1 bilion.

Beliau berkata ia mencerminkan komitmen berterusan KUSKOP memperkukuh ekosistem dengan memberi akses yang luas kepada pembiayaan serta pelbagai inisiatif lain.

RASMI: Gimik perasmian disempurnakan Ewon (tiga kiri) dan Mohamad (dua kanan).

"Melalui Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) Edisi Sabah ini, jelas menunjukkan bahawa ekosistem dan suasana keusahawanan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negeri ini rancak serta mendapat sambutan yang baik.

"Seterusnya, menunjukkan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam melaksanakan inisiatif pembangunan keusahawanan dan koperasi yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai usahawan sekali gus merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri," katanya ketika ditemui media selepas Majlis Karnival HPM yang berlangsung di sini.

Mengenai Karnival berkenaan, Mohamad berkata program tiga hari itu menyaksikan sambutan menggalakkan daripada warga tempatan dan usahawan.

Tambah beliau, karnival tersebut berjaya menerima kehadiran pengunjung melebihi sasaran awal seramai 50,000 orang menjelang hari terakhir karnival berlangsung.

"Setakat hari kedua berlangsungnya Karnival HPM, nilai jualan juga dijangkakan melebihi daripada sasaran awal iaitu RM300,000 memandangkan kutipan pada hari kedua mencecah RM263,000.

"KUSKOP merekodkan pencapaian yang luar biasa menerusi penganjuran Karnival HPM Edisi Sabah 2026 sekali gus membuktikan ekosistem keusahawanan PMKS di negeri ini berada pada tahap yang sangat memberangsangkan," ujar beliau.

Menurutnya lagi, sebagai kementerian yang bertanggungjawab, KUSKOP melalui agensi di bawahnya seperti Tekun Nasional dan Bank Rakyat menyediakan pelbagai inisiatif kemudahan pembiayaan langsung di tapak karnival.

"Agensi seperti Tekun Nasional mengetengahkan inisiatif trak mudah alih atau mobile truck yang menawarkan proses permohonan pembiayaan mikro dengan kelulusan pantas sepantas tiga jam.

"KUSKOP memahami keperluan para usahawan yang memerlukan dana modal pusingan dengan cepat untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka oleh itu sebagai langkah proaktif kerajaan inisiatif kelulusan pantas diberikan.

"Selain bantuan kewangan, KUSKOP menerusi SME Corp. Malaysia turut menggerakkan pelbagai program bimbingan, latihan dan kursus bagi membantu usahawan melonjakkan perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi melalui inisiatif scaling up membantu perniagaan beralih daripada peringkat mikro kepada kecil, sederhana dan seterusnya," tambahnya.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah, Datuk Ewon Benedick. — Penerangan

Koperal polis positif dua jenis dadah didakwa

Oleh Vivi Olviana Najurus

BEAUFORT: Seorang anggota polis berpangkat koperal didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 selepas saringan awal air kencing mendapati positif Amphetamine dan Methamphetamine.

Anggota berkenaan bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Beaufort pada Isnin.

Tertuduh ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Beaufort pada 27 Julai lalu kerana disyaki terbabit dalam penyalahgunaan dadah.

Sementara itu, polis turut menerima maklumat masyarakat berhubung dakwaan kemungkinan penglibatan anggota berkenaan dalam aktiviti pengedaran dadah di kawasan Kuala Penyu dan Menumbok.

Bagaimanapun, maklumat berkenaan masih dalam siasatan dan risikan bagi menentukan kesahihan serta tahap penglibatan sebenar anggota berkenaan.

Ketua Polis Daerah Beaufort, Superintenden Champin Piuh menegaskan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pegawai atau anggota yang terbabit dalam penyalahgunaan atau pengedaran dadah.

Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

"Penyalahgunaan dadah bukan sahaja menjejaskan disiplin dan prestasi tugas, malah mencemarkan imej serta kepercayaan masyarakat terhadap PDRM.

"PDRM akan terus memastikan integriti dan profesionalisme setiap warga pasukan sentiasa dipelihara," katanya.

Masidi terima akhbar Kinabalu Media terbitan KOPEKS

KOTA KINABALU: Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun menerima naskhah akhbar tempatan 'Kinabalu Media' terbitan Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS), di Menara Kinabalu, di sini.

Akhbar itu disampaikan oleh Pengerusi KOPEKS, Datuk Dr. Saat Ag Damit, sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KOPEKS, Buvil Angkui dalam pertemuannya bersama rombongan KOPEKS terhadap Masidi .

Masidi yang juga Menteri Kewangan semasa ditemui merakamkan penghargaan kepada KOPEKS atas pertemuan terbabit termasuklah usaha koperasi itu menerbitkan akhbar komuniti, iaitu Kinabalu Media sebagai medium penyampaian maklumat berkaitan dasar dan inisiatif Kerajaan Negeri kepada rakyat Sabah.

KUNJUNGAN: Masidi (tengah) menerima naskhah Kinabalu Media yang disampaikan Saat dalam perjumpaan itu sambil disaksikan Buvil (kiri), Yusrina (kanan) dan Yayun (dua kanan).

Dalam perkembangan berkaitan, Saat turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Masidi atas cadangan dan nasihat yang diberikan bagi mendukung perkembangan serta perancangan pembangunan KOPEKS.

KOPEKS turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah atas sokongan yang amat bermakna dalam membantu koperasi berkenaan memperkukuh peranannya demi kesejahteraan anggota.

Turut serta bersama dalam pertemuan itu Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KOPEKS, Dr Yusrina Rita Rantian dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) KOPEKS, Yayun Lamadas.

ALBUM: Kepimpinan JCI Keningau Baru merakamkan gambar kenangan selepas dinobatkan organisasi tempatan baharu terbaik.

JCI Keningau Baru dinobat organisasi tempatan baharu terbaik

KENINGAU: JCI Keningau Baru mencipta kejayaan dalam penyertaan pertamanya pada Konvensyen Kebangsaan JCI Malaysia sejak bergabung secara rasmi dengan organisasi itu apabila dinobatkan sebagai Organisasi Tempatan Baharu Terbaik JCI Malaysia 2026.

Bagi sebuah organisasi yang masih berkembang, pengiktirafan itu menjadi pencapaian penting dalam usaha melahirkan pemimpin muda dan membawa impak positif kepada masyarakat Keningau.

Antara inisiatif yang mendapat pengiktirafan ialah 'Protect the Pulse', yang tersenarai dalam JCI Malaysia 'Impact Gallery Wall of Fame'.

Di peringkat kebangsaan, wakil organisasi itu, Addam Pan Chen Yang, turut meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Pidato Bahasa Melayu, sekali gus mencerminkan komitmen organisasi terhadap pembangunan kepimpinan dan kemahiran komunikasi belia.

Secara keseluruhan, JCI Keningau Baru meraih sembilan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan Kawasan Sabah, termasuk 'Super Efficient Local Organization Management', 'Innovative Local Organization', 'Top Recruitment Award' dan 'Outstanding Impactful Project' bagi program 'What Is My Government Doing?'

Selain itu, Adoria Tan Xin Lin menerima anugerah 'Top Recruiter' bagi suku kedua di bawah Anugerah Insentif Kawasan Sabah.

Kejayaan itu mencerminkan usaha ahli serta sokongan rakan komuniti, penaja dan penyokong terhadap organisasi berkenaan.

JCI Keningau Baru turut merakamkan penghargaan kepada JCI Sibu atas penganjuran konvensyen yang berjaya serta pengalaman bermakna kepada para delegasi.

Organisasi itu akan terus memperluas peluang pembangunan kepimpinan dan penglibatan komuniti untuk golongan belia.

Belia di Keningau yang ingin mengembangkan potensi diri dan menyumbang kepada masyarakat dialu-alukan menyertai organisasi itu dalam usaha bersama membentuk masa depan daerah berkenaan.

Pengakap Labuan menjayakan program perkongsian dunia komunikasi, teknologi

LABUAN: Seramai 350 ahli pangakap, pemimpin, pesuruhjaya dan sukarelawan berkumpul di Pusat Kokurikulum Negeri di sini pada 16 hingga 18 Oktober 2026 lalu sempena 69th Jamboree On The Air (JOTA) dan 30th Jamboree On The Internet (JOTI).

Program itu menjadi platform kepada ahli pengakap berhubung dengan rakan sebaya dari seluruh dunia menerusi komunikasi radio dan Internet, sekali gus memperluas pengetahuan teknologi serta membina persahabatan merentasi sempadan negara.

Sebanyak 15 sekolah rendah dan menengah menyertai program ini, antaranya SK Bebuloh, SK Sungai Lada, SK Kerupang, SK St. Anne, SK Pekan Dua, SK Pantai, SK Membedai, SRITI Labuan, SK Tanjung Aru, SM St. Anthony, SM Sains Labuan, SM ST. Anne, SMK Lajau, SMK Pantai dan Labuan International School.

Sepanjang tiga hari penganjuran, 17 aktiviti berstesen berasaskan komunikasi radio dan STEM (Science, Technology, Engeneering & Mathematics) telah dijalankan.

Antara aktiviti itu ialah kod Morse, komunikasi radio frekuensi tinggi, Q Code dan abjad fonetik, projek eletronik, aktiviti drone, roket air, projek elektrik dan elektronik serta peperiksaan mini radio amatur.

Selain itu, elemen Sustainable Development Goals (SDG) Pertubuhan Bangs-Bangsa Bersatu turut diterapkan bagi memupuk kesedaran pengakap terhadap kepentingan pembangunan lestari dan tanggungjawab sosial.

Turut menarik perhatian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hadir menyampaikan Kempen Internet Selamat, dengan tujuan mendedahkan peserta mengenai etika penggunaan internet, keselamatan dalam talian dan kepentingan menjadi pengguna digital yang berhemah.

Dalam ucapan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Skip Rosni Md Daud menyatakan bahawa peserta JOTA-JOTI tahun ini bukan sahaja belajar konsep teknologi radio secara teori, tetapi juga melalui pengalaman sebenar yang menggabungkan kreativiti dan teknikal.

"Penerapan STEM dalam aktiviti juga menekankan penggunaan teknologi untuk berkomunikasi, pemikiran secara kritikal, serta berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Imbran Yunus.

Katanya, melalui aktiviti dalam JOTA-JOTI, peserta bukan sahaja berpeluang meningkatkan kemahiran komunikasi dan teknologi.

"Tetapi juga memupuk nilai-nilai kerjasama, kreativiti, disiplin dan tanggungjawab dalam pembangunan generasi muda yang berdaya saing dan berwawasan," katanya.

PRAKTIK: Peserta mempraktikkan kemahiran komunikasi radio dengan bantuan jurulatih.

JELAS: Jurulatih menerangkan projek elektrik dan eletronik kepada peserta.

Konvensyen menyatukan hala tuju perjuangan

GRS sebagai sebuah rumah bertiang enam komited perjuangkan untung nasib rakyat Sabah

PERKUKUH perpaduan, selaraskan perjuangan dan utamakan kepentingan Sabah.

Itulah yang dapat disimpulkan daripada Konvensyen Gabungan Rakyat Sabah (GRS) di Kudat pada 18 Oktober lepas.

Memaknai konvensyen sebagai medan menghimpunkan pemimpin dan anggota parti, ia menjadi ruang menilai kekuatan, memperbetulkan haluan dan mengukur sejauh mana perjuangan masih berpaksikan kepentingan rakyat.

Ucapan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor, selaku Pengerusi GRS membawa satu mesej besar -- perjuangan politik tidak boleh berhenti pada kemenangan, sebaliknya mesti diterjemahkan kepada kemajuan negeri.

Pesanannya jelas. GRS ialah sebuah rumah besar bertiang lokal, enam semuanya -- iaitu Parti Gagasan Rakyat Sabah (PGRS), Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS), Parti Cinta Sabah (PCS) dan terbaharu, Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO).

Ia umpama pohon pelindung, tempat rakyat berpayung. Dahan dan daunnya umpama kanopi besar, tempat berteduh daripada hujan dan panas politik.

Kekuatan gabungan itu terletak pada akar Sabah, denyut nadi rakyatnya dan keberanian menentukan masa depan sendiri.

Prinsip `Sabah First' sebagai kompas perjuangan. Identiti lokal sudah sinonim dengan GRS.

Dari konvensyen itu, menyatu sebuah hala perjuangan. Biarpun berlainan sejarah, pendekatan dan latarbelakang, namun perbezaan itu tidak menjadi tembok pemisah.

Sebaliknya, ia menjadi jambatan penyatuan. Sebuah rumah besar memerlukan tiang yang kukuh. Jika ada tiangnya lemah dan tidak seimbang, seluruh binaan boleh bergoncang.

Iktibar kedua ialah keperluan kembali kepada matlamat asal perjuangan politik sebagai amanah untuk membela Sabah.

Jika matlamat perjuangan mula kabur, kepentingan peribadi mudah mengambil tempat. Sebab itu, setiap pemimpin perlu bertanya kepada diri sendiri -- untuk siapa kuasa ini diperjuangkan, dan ke mana arah yang hendak dituju?

Jawapannya sepatutnya tetap satu -- demi Sabah negeriku.

Prinsip `Sabah First' mesti hidup dalam setiap keputusan, dasar dan tindakan.

Pesanan Hajiji supaya pemimpin bekerja hingga ke akar umbi juga wajar diberikan perhatian.

Ini kerana politik tidak boleh hanya segar membugar di pentas konvensyen, bilik mesyuarat dan majlis rasmi.

Sebaliknya, politik mesti hadir di kampung, pekan, pasar dan rumah rakyat.

Di situlah denyut sebenar kehidupan Sabah dapat dirasai. Dan di sana juga dapat didengar keluhan hati nurani rakyat.

Seperti disebutkan oleh Hajiji bahawa jawatan ialah amanah, bukannya mahkota untuk dibanggakan. Kedudukan pula bukan lesen untuk berasa lebih tinggi daripada rakyat.

Pemimpin yang sentiasa merakyat akan terus mendapat tempat di hati masyarakat.

Lebih penting menerusi konvensyen itu, GRS perlu bersedia menghadapi cabaran politik yang semakin hampir dengan Pilihan Raya Umum (PRU).

Setiap pilihan raya membawa ujian baharu. Sokongan tidak boleh dianggap kekal. Kemenangan semalam bukan jaminan kemenangan hari esok.

Justeru, persiapan tidak boleh bermula hanya apabila tarikh pilihan raya diumumkan. Ia mesti bermula sekarang, melalui pengukuhan organisasi, penyelarasan gerak kerja dan pembinaan keyakinan rakyat.

Pemimpin perlu turun bukan semata-mata untuk bergambar, tetapi untuk mengetahui apa yang belum selesai.

Setiap aduan mesti dipandang sebagai amanah. Setiap kesusahan mesti menjadi dorongan untuk bertindak.

Politik yang berakar pada rakyat akan lebih tahan menghadapi ribut berbanding politik yang hanya berakar pada kepentingan kelompok.

Pesanan Hajiji bahawa perjuangan belum selesai pula membawa makna yang lebih mendalam.

Membentuk kerajaan bukan penamat perjalanan. Ia sebenarnya permulaan kepada sebuah tanggungjawab yang lebih besar.

Banyak harapan rakyat masih perlu dipenuhi. Banyak jurang pembangunan masih perlu dirapatkan. Banyak masalah asas masih menuntut perhatian.

Maka, kemenangan politik mesti disusuli dengan kemenangan dalam kehidupan rakyat.

Dalam konteks itu, perpaduan GRS bukan pilihan sampingan. Ia adalah sebuah keperluan utama.

Enam komponen gabungan perlu menyatukan hati, menyelaraskan langkah dan membulatkan tekad.

Agenda pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 juga perlu menjadi ukuran utama keberkesanan kerajaan.

Pembangunan tidak boleh dinilai melalui jumlah projek atau keindahan pelan semata-mata. Ukurannya ialah perubahan dalam kehidupan rakyat.

SMJ 2.0 mesti membawa pembangunan yang menyentuh seluruh Sabah, dari bandar hingga ke pedalaman, dari pantai barat hingga ke pantai timur, termasuk kawasan utara yang menjadi latar konvensyen di Kudat.

SEMANGAT: Hajiji disambut penyokong parti sejurus tiba untuk merasmikan Konvensyen GRS di Kudat pada 18 Oktober lepas.

KOMITMEN: Hajiji menyampaikan watikah pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Naziran Pilihanraya Zon sempena konvensyen itu.

Sabah yang maju ialah Sabah yang rakyatnya bergerak ke hadapan bersama-sama, tanpa ada daerah yang terus tertinggal di belakang.

Dalam perjuangan menuntut hak Sabah di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) pula, pendekatan GRS sentiasa konsisten sebagaimana diungkapkan Hajiji.

Pencapaian yang telah diperoleh amat dihargai, tetapi ia tidak bermakna GRS sudah berpuas hati.

Masih ada perkara yang memerlukan rundingan, penyelesaian dan pelaksanaan tuntas.

Baginya, hak negeri bukan sekadar isu politik bermusim. Ia menyentuh keadilan fiskal, kuasa pentadbiran dan keupayaan Sabah menentukan hala tuju pembangunannya sendiri.

Tuntutan MA63 sentiasa diperjuangkan dengan ketegasan yang disertai kebijaksanaan. Rundingan berpaksikan fakta, peruntukan perlembagaan dan kepentingan rakyat.

Apa yang telah dipersetujui perlu dilaksanakan. Apa yang belum selesai, akan terus diperjuangkan.

Sabah tidak memerlukan retorik yang berulang tanpa hasil. Sabah memerlukan kemajuan yang boleh diukur, hak yang dapat direalisasikan dan hubungan Persekutuan-negeri yang dibina atas semangat keadilan serta saling menghormati.

Konvensyen di Kudat, di utara Sabah, akhirnya harus dilihat sebagai platform untuk bermuhasabah.

Ia bukan sekadar ruang menilai kekuatan lawan atau menghitung peluang pilihan raya.

Lebih penting, ia medan untuk melihat ke dalam diri.

Sebab itu, pesanan Hajiji harus dijadikan iktibar oleh semua penyokong dan pendukung GRS, sebagai sebuah agenda besar bersama demi memastikan generasi akan datang mewarisi Sabah yang lebih kuat.

Kesimpulannya, Kudat mengingatkan GRS bahawa kekuatan politik bermula daripada akar yang sama -- Sabah Tanah Airku.

GRS mesti terus mengakar di bumi sendiri, menjadi pohon yang memberi teduh ketika taufan politik membadai.

Enam komponen perlu menyatukan hati, membulatkan tekad dan memperteguh usaha demi Sabah yang maju, makmur dan bermaruah. Bersatu teguh, bercerai rapuh.

PRN Melaka: PH laksana kempen berhemah, elak serang pihak lawan

MELAKA: Pakatan Harapan (PH) akan melaksanakan kempen berhemah pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dengan memberi penjelasan kepada rakyat mengenai inisiatif Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Setiausaha PH Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata kejayaan dan inisiatif kebajikan dilaksanakan kerajaan perlu disampaikan dengan cara terbaik kepada pengundi agar mereka yakin untuk memilih calon daripada pakatan itu.

"Kita tak mahu menang kempen pilihan raya dengan maki hamun, kita tak mahu. Itu bukan cara Parti Keadilan Rakyat (PKR) ... kita bukan nak menang pilihan raya hasil daripada adu domba, pecah belah... itu biar pihak lain, mereka nak menang cara itu, silakan.

"Politik kita berbeza. Politik kita, politik yang ajak kepada kedamaian. Kasih sayang, perpaduan. Barulah politik itu ada nilai. Barulah politik itu ada sifat ibadah," katanya yang juga Naib Presiden PKR ketika berucap merasmikan Bilik Gerakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput di Krubong di sini malam kelmarin.

Turut hadir Pemangku Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Melaka Adam Adli Abd Halim dan calon PH bagi kerusi DUN Paya Rumput Datuk Azman Abidin.

Saifuddin Nasution yang juga Menteri Dalam Negeri berkata antara kejayaan itu ialah kedudukan Malaysia yang kini berada di tangga ke-12 paling selamat di dunia untuk dilawati, sekali gus membuktikan keupayaan kerajaan mengawal keselamatan negara.

Selain itu, bantuan persekolahan RM200 bagi 5.2 juta pelajar dan murid di seluruh negara boleh menyentuh hati pengundi menerusi agenda kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Kalau ada tiga orang anak, (satu keluarga dapat) RM600 tunai. Baju sekolah, kasut sekolah, pakaian sukan, beg sekolah, peralatan sekolah, insya-Allah selesai. Ibu bapa tak payah fikir lagilah.

"Perdana Menteri tolong fikir (masalah berkaitan persekolahan) dan tolong selesaikan. Itu contoh kecil yang melekat dan dirasai oleh setiap isi rumah sebab mereka ada anak sekolah," katanya. — Bernama

BSWMIC platform UMS, KKTP jadikan sisa pepejal sebagai sumber ekonomi dan inovasi

KOTA KINABALU: Penganjuran Borneo Solid Waste Management Innovation Challenge (BSWMIC) 2026 menjadi platform Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) dalam memacu inovasi pengurusan sisa pepejal.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Profesor Dr. Raman Noordin, yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMS berkata, menerusi inisiatif tersebut, UMS sedia membantu dalam aspek pengesahan teknologi, pengujian prestasi, pembangunan prototaip, penambahbaikan proses dan kajian kebolehlaksanaan.

KKTP dan pihak berkuasa tempatan (PBT) pula katanya boleh membantu mengenal pasti masalah sebenar serta lokasi yang sesuai untuk menguji inovasi tersebut.

"Bayangkan sekiranya daripada ratusan idea yang diketengahkan melalui BSWMIC, beberapa inovasi berjaya digunakan oleh PBT atau industri di Sabah, itulah impak yang kita inginkan.

"Kita mahu membuktikan bahawa universiti bukan sekadar tempat menghasilkan ilmu, tetapi juga rakan penyelesaian masalah kepada kerajaan, industri dan masyarakat," katanya.

RASMI: Dr. Ag. Asri menyampaikan ucapan pada program itu.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan wakilnya, Ketua Pegawai Digital, Prof. Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim sempena Majlis Apresiasi BSWMIC 2026, di sini.

Terdahulu, Pengerusi Penganjur BSWMIC 2026, Prof. Dr. Jidon @ Adrian Janaun, berkata pertandingan itu diperkenalkan di bawah Borneo Festival of Ideas (BFOI) 2026 bagi menyediakan platform kepada masyarakat untuk menghasilkan idea, teknologi dan inovasi yang mampu menangani cabaran pengurusan sisa pepejal di Sabah.

"Hasrat kami adalah mudah, kita tidak mahu sekadar mengadakan pertandingan inovasi, tetapi mahu mencari penyelesaian sebenar kepada masalah pengurusan sisa pepejal di Sabah.

"Melalui inovasi, sisa boleh menjadi sumber, bahan buangan boleh menjadi produk, masalah alam sekitar boleh menjadi peluang ekonomi," katanya.

Dalam pada itu, wakil KKTP, Mariati Mastor berkata pengurusan sisa pepejal memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh, termasuk pengurangan sisa di punca, pengasingan bahan buangan, amalan guna semula, kitar semula dan pemulihan sumber.

ALBUM: Ahli-ahli jawatankuasa BSWMIC 2026 merakamkan gambar kenangan.

"Untuk itu, dalam menjayakan pertandingan ini, KKTP turut menyalurkan sumbangan kewangan sebanyak RM21,410 selain mendapat sokongan PBT yang membantu penyelarasan dan pelaksanaan pertandingan di lima zon berkenaan.

"Kerjasama antara universiti, kerajaan tempatan, industri dan komuniti penting bagi memastikan inovasi yang dihasilkan berpotensi dibangunkan menerusi pengujian lapangan dan projek perintis," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, UMS turut memperkukuh hubungan strategik dengan Sabah Plumber Association (SPA) menerusi penandatanganan Surat Niat (LOI) antara Fakulti Kejuruteraan (FKJ), UMS dengan persatuan itu.

Kerjasama berkenaan mampu membuka ruang lebih luas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, inovasi, pengkomersialan serta pemindahan ilmu dan teknologi, sekali gus memperluas jaringan kerjasama antara universiti dengan industri.

Nadal kembali, sertai kejohanan di Las Vegas

LOS ANGELES: Rafael Nadal akan kembali ke saingan gelanggang keras buat kali pertama sejak persaraannya pada November 2024 dalam satu acara pertunjukan satu malam di Las Vegas pada Februari depan, umum penganjur pada hari Isnin.

Pemain kidal Sepanyol berusia 40 tahun yang memenangi 22 gelaran perseorangan Grand Slam itu akan beraksi dalam "The MGM Slam" pada 28 Februari 2027 di T-Mobile Arena.

Pemain-pemain lain dan format bagi acara tersebut akan dimaklumkan kemudian.

Nadal, pemenang rekod 14 gelaran perseorangan Terbuka Perancis, kembali ke gelanggang keras di Vegas selepas beraksi dalam satu acara pertunjukan di akademinya di Sepanyol pada awal bulan ini.

Nadal pernah beraksi dalam perlawanan pada 2024 di Las Vegas menentang rakan senegaranya Carlos Alcaraz.

"Saya ingat betapa mengagumkannya untuk merasakan tenaga di dalam arena yang penuh di bandar seperti Las Vegas," kata Nadal.

"Kini saya kembali pada fasa berbeza dalam hidup saya, tanpa tekanan jelajah tetapi dengan semangat yang sama terhadap sukan ini. Saya sentiasa suka bertanding, dan walaupun kerjaya profesional saya sudah berakhir, perasaan itu tidak pernah benar-benar hilang."

Awal tahun ini, lapan bintang Jelajah ATP beraksi dalam satu acara di Vegas yang mana pemain bertanding dalam format tiebreaker 10 mata, dengan pemain remaja Brazil, Joao Fonseca merangkul kemenangan tersebut. — AFP

Sinner beri isyarat akan beraksi dalam kejohanan 'Six Kings Slam'

PARIS: Jannik Sinner telah memberi isyarat bahawa dia akan kembali beraksi dalam kejohanan 'Six Kings Slam' di Riyadh, yang telah dijadualkan semula ke akhir Disember berikutan konflik dengan kumpulan Houthi dari Yaman.

Pemain Itali berusia 25 tahun yang kini menduduki ranking nombor satu dunia itu terpaksa berehat akibat kecederaan sejak menjuarai Wimbledon pada bulan Julai.

Dia juga sebelum ini kelihatan bakal terlepas acara di Riyadh itu, yang pada asalnya dijadualkan pada bulan Oktober yang mana penganjur berharap ia akan berlangsung pada 27-30 Disember.

Sinner berkongsi poster kejohanan itu pada hari Isnin di akaun Instagram miliknya yang memaparkan gambarnya serta nama dan tarikh acara tersebut tetapi tanpa sebarang ulasan lanjut.

Rekod kemenangan 94 peratus Sinner pada 2026 adalah yang terbaik dalam kerjayanya, malah mengatasi catatannya daripada dua musim sebelum ini yang mana dalam setiap satu daripadanya dia memenangi dua gelaran Grand Slam dan Jelajah Akhir ATP.

Kejohanan itu dijangka menampilkan juara kejohanan utama 24 kali Novak Djokovic, pemain nombor dua dunia Alexander Zverev, pemenang Terbuka Perancis dan Terbuka AS musim ini, serta berkemungkinan pemenang kejohanan utama tujuh kali Carlos Alcaraz.

Rali Dakar 2027 adalah acara sukan terbaharu yang dijadualkan berlangsung di Arab Saudi yang dibatalkan, ditangguhkan atau dipindahkan berikutan serangan Houthi ke atas negara itu serta perang AS-Iran yang lebih luas yang meletus pada bulan Februari. — AFP

Man Utd kekal dibelenggu kemerosotan prestasi

Tanpa kemenangan dalam lapan perlawanan, bakal tersingkir dari EPL, nasib Carrick turut jadi taruhan

MANCHESTER: Tanpa kemenangan dalam lapan perlawanan dan berlegar tepat di atas zon penyingkiran Liga Perdana Inggeris, Manchester United sekali lagi berdepan dengan pertukaran pertukaran pengurus, dengan Michael Carrick berkemungkinan akan menerima padahnya.

Bekas pemain tengah United itu menerima tepukan gemuruh daripada peminat ketika dia berjalan menuju ke terowong selepas kekalahan 0-3 pasukannya yang memberi pengajaran di tangan Bournemouth di Old Trafford pada hari Ahad.

Beberapa saat kemudian laungan ejekan bergema ketika para pemain meninggalkan padang, dengan peminat memikirkan di mana letaknya kesalahan atas kemerosotan semasa United.

Carrick diberikan kontrak dua tahun pada bulan Mei selepas mencetuskan kebangkitan yang mengagumkan berikutan pergelutan pasukan di bawah bimbingan Ruben Amorim, United mengesahkan tempat ketiga dalam Liga Perdana dan kembali ke Liga Juara-Juara.

Tetapi kemerosotan drastik pada musim ini menjadi kisah yang terlalu biasa buat penyokong United, yang kali terakhir memenangi gelaran Liga Perdana 13 tahun lalu di bawah kendalian Alex Ferguson.

Carrick yang beremosi menafikan pusingan padangnya pada masa penuh hari Ahad adalah satu perpisahan ketika dia bergelut untuk menerima kemerosotan mendadak pasukannya.

> "Saya pasti tahu bahawa kami belum menyelesaikannya dan banyak kerja perlu dilakukan, tetapi itu tidak bermakna ia sepatutnya menjadi begini."
>
> **Michael Carrick**
> *Pengurus Manchester United*

"Saya pasti tahu bahawa kami belum menyelesaikannya dan banyak kerja perlu dilakukan, tetapi itu tidak bermakna ia sepatutnya menjadi begini," katanya.

Carrick, 45, masih bertahan tetapi kedudukannya kelihatan semakin terancam, dengan bekas pengurus Newcastle, Eddie Howe dan bekas pengurus Jerman, Julian Nagelsmann nampaknya berada dalam senarai calon untuk tugas itu.

Pengurus United itu merupakan pelantikan tetap ketujuh sejak Ferguson bersara.

David Moyes telah membuktikan kemampuan di Liga Perdana, Louis van Gaal dan Jose Mourinho mempunyai rekod cemerlang dan Erik ten Hag serta Amorim dilihat sebagai bintang kejurulatihan yang sedang meningkat naik.

Carrick berada dalam kategori yang sama seperti Ole Gunnar Solskjaer, yang mengendalikan pasukan selama tiga tahun dari 2018 -- satu pilihan sentimental sebagai bekas pemain yang memainkan peranan besar dalam tahun-tahun kegemilangan kelab di bawah bimbingan Ferguson.

"Peminat Manchester United menyanyikan lagu Michael Carrick kerana saya fikir mereka tahu apa yang akan berlaku di sini. Mereka pernah melihat perkara ini sebelum ini. Dia salah seorang daripada mereka dan dia popular," kata bekas kapten United, Gary Neville kepada Sky Sports.

"Tetapi pemilik, jabatan sukan dan pemain tidak popular dan mereka telah sangat mengecewakan kelab bola sepak ini."

Masalah di kelab, seperti yang dinyatakan oleh Neville, jauh melangkaui bangku simpanan.

Walaupun mendapat bantahan keras dan berterusan daripada peminat, keluarga Glazer yang berpangkalan di AS masih memegang kepentingan majoriti dalam kelab yang dibeli oleh Malcolm Glazer melalui pengambilalihan berleveraj pada 2005, yang membebankan United dengan hutang yang besar.

TANDA SOKONGAN: Carrick berlutut sebagai tanda sokongan kepada kempen Tiada Ruang Untuk Perkauman sebelum bermula perlawanan Liga Perdana Inggeris di antara Manchester United dan Bournemouth di Old Trafford di Manchester, baru-baru ini. — Gambar AFP

Sebarang harapan bahawa ketibaan jutawan Britain, Jim Ratcliffe sebagai pemilik minoriti pada 2024 akan menandakan permulaan baharu telah musnah.

Ratcliffe telah menyelia langkah pemotongan kos termasuk pemberhentian pekerja secara meluas dan kenaikan harga tiket tetapi hutang kelab masih melonjak melebihi 1.1 bilion pound.

United, yang selama bertahun-tahun membuli pesaing mereka dalam pasaran perpindahan, terlepas nama-nama terbesar ketika mereka menyasarkan pembinaan semula bahagian tengah pada musim panas, dengan Elliot Anderson, Sandro Tonali dan Mateus Fernandes masing-masing memilih kelab lain.

United sebaliknya merekrut Carlos Baleba, Youri Tielemans dan Andrey Santos -- yang mana tiada seorang pun daripada mereka telah memberikan kesan yang kuat -- dengan gabungan yuran perpindahan sekitar £150 juta.

Perbalahan ketara telah muncul sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Lisandro Martinez mengkritik pengarah bola sepak Jason Wilcox kerana tidak melakukan lebih banyak usaha untuk mengukuhkan skuad Carrick.

Pada minggu lalu kapten Bruno Fernandes secara terbuka mempersoalkan taktik Carrick dalam kekalahan memalukan 4-1 di tangan pasukan penampilan sulung Liga Juara-Juara, Como.

Carrick dijangka akan memikul kesalahan tersebut, tetapi laluan kembali ke puncak buat salah sebuah kelab terbesar di dunia nampaknya lebih sukar berbanding sebelum ini.

"Ia tidak boleh hanya pengurus sekali lagi. Perlu ada akibat di atas daripada itu. Anda tidak boleh terus membiarkan orang yang memilih pengurus terus melakukan kesilapan," kata Neville.

"Sudah bertahun-tahun sekarang tanpa kemenangan Liga Perdana. Ia akan menjadi lima atau 10 tahun lagi sebelum anda menyedarinya kerana terdapat kelab lain yang ditubuhkan untuk berjaya dan Manchester United tidak." — AFP

Antonelli tegaskan mentalitinya tidak akan berubah, terus buru kejuaraan

AUSTIN: Kimi Antonelli berkata mentalitinya tidak akan berubah apabila dia menuju ke perlumbaan minggu depan di Mexico bagi memburu dua mata yang diperlukannya untuk menjadi juara dunia termuda Formula Satu (F1).

Pemandu Itali berusia 20 tahun itu mempamerkan pemanduan yang baik dan dominan untuk merangkul kemenangan kesembilannya tahun ini buat Mercedes dalam Grand Prix Amerika Syarikat pada Ahad dan bergerak menghampiri gelaran.

Antonelli hampir memecahkan rekod terdahulu sebagai juara termuda, yang dipegang oleh Sebastian Vettel yang berusia 23 tahun dan 133 hari semasa dia memenangi gelaran pertamanya pada 2010.

Dia juga bakal menjadi warga Itali pertama yang memenangi gelaran itu sejak Alberto Ascari pada 1953.

"Cara terbaik, cara yang sempurna, dengan menamatkannya dengan bergaya dan kemudian hanya menikmati baki musim ini," katanya.

"Saya sangat sedar bahawa ia sudah begitu dekat tetapi mentaliti saya tidak berubah.

"Saya mahu menamatkan musim ini pada tahap tertinggi supaya dapat melangkah dengan harapan tinggi ke tahun 2027. Tetapi kami akan memberi tumpuan dan bimbang untuk menamatkan ini dengan baik terlebih dahulu, dan kemudian kita akan lihat."

Selepas kejayaan pada Ahad di Litar Americas, dia mendahului dengan 365 mata di hadapan pesaing terdekat merangkap rakan sepasukannya George Russell dengan 242 mata dan juara tujuh kali Lewis Hamilton daripada Ferrari dengan 241 mata.

ANTONELLI

Dia akan menjadi juara jika dia menamatkan perlumbaan di sembilan tempat teratas atau, jika dia tidak mengutip sebarang mata, Russell atau Hamilton gagal menang.

Namun berdasarkan prestasi semasa, selepas menang semula buat kali pertama dalam empat perlumbaan, dia kelihatan pasti untuk meraih gelaran dengan gayanya yang gembira, pemurah dan ceria.

"Itu cara yang sempurna untuk menamatkan hujung minggu," katanya.

"Ia usaha pasukan yang luar biasa, terutamanya daripada segi strategi, untuk mempercayai saya dan memilih satu hentian pit kerana saya tidak pasti sama ada satu atau dua hentian pit yang paling pantas.

"Tetapi saya sangat gembira kerana kami berjaya melakukannya. Hari ini adalah kemenangan yang sangat penting buat saya dan pasukan, terutamanya selepas mengharungi beberapa perlumbaan yang sukar, jadi berada kembali di puncak rasanya sangat bagus."

Keupayaan Antonelli di atas litar dan sikap ceria di luarnya telah menarik perhatian ramai pengagum di sekitar padok, termasuk juara dunia 1996 Damon Hill.

"Pasukan menyukainya, dia menikmati segala yang dia ada dalam F1 dan dia sangat bersyukur atas semua peluang yang mereka berikan kepadanya di Mercedes," kata Hill di BBC.

"Tetapi dia membuktikannya. Dia seorang budak yang sangat baik. Ia luar biasa. Berusia 20 tahun dan dia berada di ambang memenangi kejuaraan pertamanya, yang saya pasti akan menjadi yang pertama daripada banyak lagi."

Russell perlu menamatkan perlumbaan di lapan tempat teratas untuk mengekalkan peluang secara matematik dalam persaingan kejuaraan dan dia sememangnya menamatkan perlumbaan di tempat kelapan selepas menerima penalti awal lima saat.

"Kadar kelajuan saya sangat teruk hari ini. Itulah secara ringkasnya," katanya.

"Sudah tentu, lima saat itu tidak membantu keadaan dan mungkin menyebabkan saya kehilangan dua atau tiga posisi, namun begitu, kadar kelajuan tidak cukup bagus apabila ia diperlukan."

Hamilton satu-satunya pemandu lain yang masih mempunyai peluang secara matematik untuk mengejar Antonelli tetapi juara tujuh kali itu ditinggalkan dengan penyesalan atas peluang yang terlepas dalam perlumbaan pada hari Ahad.

"Saya merasakan perlumbaan ini hilang pada dua stint pertama saya," kata Hamilton. "Saya kehilangan begitu banyak masa. Saya tidak dapat memutarkan jentera di selekoh berkelajuan rendah terutamanya.

"Saya sedang melaraskan tetapan saya dan menjelang stint terakhir saya semakin hampir dengan keseimbangan yang betul.

"Saya fikir saya telah kehilangan banyak mata dalam kira-kira lima perlumbaan terakhir dan saya fikir ia benar-benar berpunca daripada tetapan atau cuma tidak menyempurnakan tetapan tersebut. Ia adalah sesuatu yang benar-benar perlu saya atasi." — AFP

Kane raih anugerah Ballon d'Or, tewaskan Yamal dan Mbappe

LONDON: Harry Kane menjadi pemenang Ballon d'Or pertama England dalam tempoh 25 tahun di bandar kelahirannya, London pada hari Isnin, menewaskan Lamine Yamal dan Kylian Mbappe.

Alexia Putellas merangkul anugerah wanita buat kali ketiga untuk memanjangkan penguasaan Sepanyol dalam anugerah tersebut, hasil perannya membimbing Barcelona menjulang Liga Juara-Juara musim lalu sebelum berpindah ke London City Lionesses.

Majlis Ballon d'Or pertama di bumi England bermula dengan langkah kurang mulus apabila kesesakan lalu lintas di London menyebabkan kelewatan hampir satu jam, dengan ramai nama bintang tiba lewat.

Namun terdapat pengakhiran gembira buat wira tempatan itu apabila Kane merangkul kemuncak kejayaan kerjayanya setakat ini, menjadi warga England pertama memenangi anugerah itu sejak Michael Owen pada 2001.

Penyerang Bayern Munich berusia 33 tahun itu meledak 73 gol yang luar biasa dalam 65 perlawanan untuk kelab dan negara pada musim lalu, mendorongi kelab gergasi Jerman itu meraih kejuaraan berganda liga dan piala.

Dia juga menjaringkan enam gol ketika England menamatkan saingan di tempat ketiga pada Piala Dunia.

"Saya suka mewakili negara saya dan membawa trofi ini kembali kepada mereka serta mempunyai pemenang dari England saya fikir adalah sesuatu yang sangat, sangat istimewa, terutamanya di sini di London," kata Kane kepada AFP. "Malam yang sungguh luar biasa dan saya benar-benar, sangat gembira."

Walaupun merupakan penjaring gol terbanyak sepanjang zaman England dan Tottenham, koleksi pingat Kane terhad kepada kejayaan domestik Jerman.

Dia berada di pihak yang tewas bersama Spurs dalam perlawanan akhir Liga Juara-Juara 2019 menentang Liverpool dan dua kali merasai kekalahan pahit dalam perlawanan akhir Kejohanan Eropah bersama England.

Namun penyertaannya ke Bayern pada 2023 dan konsistensi jaringan golnya yang luar biasa telah memberikannya anugerah individu tertinggi dalam bola sepak.

"Perpindahan ke Bayern Munich adalah langkah besar dalam kerjaya saya," kata Kane kepada AFP sebelum ini. "Sesetengah orang melihatnya sebagai satu risiko tetapi bagi saya ia sentiasa mengenai penambahbaikan dan melihat sama ada saya boleh menjadi lebih baik bersama rakan sepasukan, pasukan, kelab dan ia telah menolak saya ke satu tahap yang lain."

"Menjadi pemain nombor sembilan untuk Bayern dan England anda dijangka menjaringkan gol dan melakukannya sebanyak mana yang saya lakukan pada tahun lalu adalah sesuatu yang saya benar-benar bangga," tambahnya.

Pemenang pada 2021 dan 2022, Ballon d'Or ketiga Putellas melengkapkan kepulangannya ke puncak permainan wanita selepas kecederaan ligamen krusiat anterior (ACL) menjejaskan kebangkitannya empat tahun lalu.

Putellas menggantikan rakan sepasukan Sepanyol, Aitana Bonmati, pemenang tiga tahun lepas yang musimnya terjejas akibat patah kaki.

"Ini hasil daripada semua yang kami capai pada musim lalu," kata Putellas.

"Saya benar-benar bersyukur kerana pernah berada (di Barcelona) selama 14 musim sebagai pemain, ia sesuatu yang luar biasa. Ia seperti satu kisah yang sempurna."

Yamal membuat penampilan fesyen paling berani dalam kalangan calon dengan bunga merah jambu pada bahagian hadapan kot hitamnya.

Pemain sayap Barcelona itu merangkul anugerah pertama malam tersebut bagi bakat muda terbaik tahunan buat kali ketiga berturut-turut.

Namun pemain berusia 19 tahun itu gagal menjadi pemenang Ballon d'Or termuda sepanjang zaman, apabila menamatkan saingan di tempat ketiga, selepas dia gagal mempamerkan prestasi terbaiknya semasa kejayaan Sepanyol di Piala Dunia.

Mbappe menamatkan saingan di tempat kedua tetapi penantiannya untuk memenangi Ballon d'Or berterusan walaupun menjadi penjaring terbanyak dalam Piala Dunia, Liga Juara-Juara dan La Liga kerana gol-golnya tidak membawa kepada kejayaan kolektif buat Perancis atau Real Madrid.

Luis de la Fuente menewaskan pengendali Paris Saint-Germain, Luis Enrique dan bos Arsenal, Mikel Arteta untuk dinamakan sebagai jurulatih lelaki terbaik tahunan selepas membimbing Sepanyol merangkul kejayaan Piala Dunia.

"Ini adalah pengiktirafan untuk tugas yang dilakukan dengan sangat baik selama bertahun-tahun," kata De la Fuente kepada AFP. "Saya percaya bola sepak Sepanyol, dari segi kejurulatihan mahupun perlawanan itu sendiri, menjadi contoh pembangunan belia yang cemerlang, yang akhirnya membuka jalan kepada kejayaan masa depan." — AFP

POIC Lahad Datu sebagai Zon Ekonomi Khas

Cadangan itu dikemukakan Ewon ketika perbahasan Belanjawan 2027 di Dewan Rakyat baru-baru ini

KUALALUMPUR: Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah, Datuk Ewon Benedick mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani bagi membincangkan cadangan membangunkan Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu sebagai Zon Ekonomi Khas BIMP-EAGA.

Ewon yang juga Ahli Parlimen Penampang berkata, cadangan itu telah dikemukakannya ketika perbahasan Belanjawan 2027 di Dewan Rakyat baru-baru ini sebagai antara usaha memperkukuh pembangunan perindustrian dan menarik pelaburan antarabangsa ke Sabah.

"Saya menghargai sokongan beliau terhadap cadangan ini serta kesediaannya untuk mengadakan kunjungan ke Sabah bagi membincangkan lebih lanjut pembangunan POIC Lahad Datu sebagai Zon Ekonomi Khas BIMP-EAGA.

"Perbincangan lanjut itu juga akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pembangunan industri dan pelaburan antarabangsa di POIC Lahad Datu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Johari di pejabat menteri berkenaan di Parlimen, semalam.

Turut serta dalam pertemuan itu ialah Ahli Parlimen Tuaran merangkap Pengerusi POIC Sabah, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau.

Dalam pertemuan sama, Ewon turut membincangkan permohonan pembangunan Pusat Data Kecerdasan Buatan (AI) oleh Esteel Sabah di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP).

Menurutnya, cadangan pembangunan itu memerlukan kelulusan jawatankuasa khas di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Esteel Sabah diwakili oleh Pengarah Negaranya, Nick Xu.

Ewon berharap perbincangan dan kerjasama dengan MITI itu dapat mempercepat usaha pembangunan industri serta meningkatkan nilai tambah sektor perindustrian Sabah, khususnya dalam menarik pelaburan baharu dan memperkukuh daya saing negeri di peringkat antarabangsa.

BINCANG: Johari (kiri), Ewon (kanan) serta rombongan semasa dalam perbincangan itu.

Tindakan segera diperlukan bagi tangani risiko banjir

KOTA KINABALU: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Inanam, Edna Majimbun menggesa kementerian berkaitan mengambil tindakan segera bagi mengukuhkan serta meninggikan tebing sungai di kawasan berisiko, khususnya di Kampung Kionsom, Inanam.

Beliau turut menggesa penyelenggaraan sungai secara menyeluruh dilaksanakan di sepanjang Kg. Kionsom, Kg. Pomotodon/Dambai/Malaka dan Kg. Tatahan susulan kejadian banjir berulang yang terus mengancam keselamatan penduduk setempat.

Menurutnya, pemasangan gabion di Kg. Kionsom sebelum ini masih belum memberikan perlindungan tebing yang kukuh dan

EDNA

berkesan untuk menghadapi arus sungai.

"Keadaan itu menimbulkan kebimbangan kerana kawasan kediaman penduduk terus terdedah kepada risiko limpahan air, terutama ketika hujan lebat.

"Sepanjang 2026, kejadian banjir di kawasan berkenaan dilaporkan berlaku sebanyak tiga kali, iaitu pada 3 Januari, 1 Oktober dan 19 Oktober.

"Kejadian berulang itu bukan sahaja mengganggu kehidupan harian penduduk, malah meningkatkan risiko kerosakan harta benda serta mengancam keselamatan ratusan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko," katanya dalam kenyataan.

Beliau memohon agar perkara ini diberikan perhatian serius dan tindakan segera diambil.

Katanya, penduduk tidak seharusnya terus hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan lebat, sedangkan langkah-langkah yang bersesuaian boleh dirancang dan dilaksanakan untuk mengurangkan risiko banjir.

"Keselamatan penduduk mesti menjadi keutamaan. Kita memerlukan penyelesaian yang lebih kukuh dan berkesan untuk melindungi kawasan kediaman daripada ancaman limpahan air sungai," katanya.

Sehubungan itu, Edna menggesa kementerian berkaitan supaya segera menyelaras dan mengarahkan pihak berkaitan menjalankan pemeriksaan teknikal di tapak bagi menilai keadaan tebing sungai, mengenal pasti kawasan berisiko serta menentukan kaedah pengukuhan yang bersesuaian dan tahan lama.

Katanya, antara tindakan yang perlu diberikan perhatian segera ialah pengukuhan struktur perlindungan tebing, pembaikan sementara di lokasi terjejas serta peninggian tebing sungai sebagai penghadang bagi mengurangkan risiko limpahan air ke kawasan kediaman penduduk.

Beliau berkata, langkah berkenaan hendaklah berdasarkan penilaian teknikal menyeluruh, termasuk keadaan tebing, kekuatan arus dan aliran sungai, bagi memastikan kaedah perlindungan yang dipilih bersesuaian serta mampu mengurangkan risiko kerosakan berulang.

Menurutnya, usaha menangani masalah banjir tidak seharusnya tertumpu kepada satu lokasi sahaja, sebaliknya perlu mengambil kira keadaan sungai secara menyeluruh di sepanjang kawasan terlibat.

Katanya, penyelenggaraan yang terancang dan berterusan amat penting bagi memastikan aliran sungai tidak terhalang, mengurangkan risiko limpahan air serta melindungi keselamatan penduduk di kampung berkenaan.

"Harapan saya agar permohonan ini diberikan perhatian sewajarnya dan disusuli dengan tindakan nyata di lapangan. Keselamatan ratusan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir perlu diberikan keutamaan.

"Kita mahu langkah pencegahan yang berkesan demi memastikan penduduk dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih selamat dan tenang," tegasnya.

Ahmad Zahid seru rakyat waspada hadapi MTL

KUALALUMPUR: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyeru rakyat supaya sentiasa berwaspada dan mengutamakan keselamatan susulan jangkaan bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027.

Beliau berkata musim monsun yang dijangka berterusan hingga Mac 2027 itu berpotensi membawa hujan lebat berterusan, banjir serta keadaan laut bergelora yang boleh mengancam keselamatan penduduk, khususnya di kawasan berisiko.

"Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), tiga hingga lima episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku antara November 2026 hingga Januari 2027.

"Keadaan ini boleh meningkatkan risiko banjir, khususnya di kawasan berhampiran sungai dan kawasan rendah," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Ahmad Zahid berkata angin kencang sepanjang tempoh berkenaan juga boleh menyebabkan laut bergelora serta kenaikan paras laut di perairan Laut China Selatan.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya sentiasa mengikuti ramalan dan amaran cuaca semasa serta mengelakkan kawasan yang berisiko dinaiki air.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak mengambil risiko meredah banjir dan mematuhi arahan pihak berkuasa, termasuk berpindah sekiranya keadaan memerlukan.

Selain itu, Ahmad Zahid menekankan kepentingan membuat persediaan awal dengan memastikan dokumen penting, ubat-ubatan, keperluan asas dan nombor kecemasan tersedia untuk digunakan ketika kecemasan.

"Keselamatan diri dan keluarga mesti menjadi keutamaan," katanya yang berharap agar seluruh rakyat Malaysia dilindungi daripada sebarang musibah sepanjang tempoh MTL ini. — Bernama

PRIHATIN: Antara penderma yang hadir memberikan sumbangan untuk kempen berkenaan.

CPS catat sokongan luar biasa untuk kempen bantuan bencana 2026

KOTA KINABALU: Pusat beli-belah Centre Point Sabah (CPS) berjaya menamatkan Kempen Sumbangan Bantuan Bencana 2026 dengan sambutan menggalakkan daripada rakyat Sabah, pengunjung, penyewa, syarikat perniagaan dan kumpulan komuniti yang tampil membantu keluarga terjejas akibat bencana di seluruh Sabah.

CPS dalam kenyataan berkata, kempen yang berlangsung dari 25 September sehingga 9 Oktober 2026 di Food Eden itu merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan CPS menerusi inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta tanggungjawab sosial korporat (CSR) #CPCares.

Inisiatif itu bertujuan menyediakan bantuan praktikal kepada komuniti yang terjejas akibat banjir, kebakaran rumah dan kecemasan lain, selain memupuk nilai keprihatinan, tanggungjawab sosial dan semangat kebersamaan.

Kempen tahun ini mencatatkan peningkatan ketara dengan kutipan lebih 400 kilogram (kg) barangan sumbangan dan kira-kira 250 barangan keperluan, berbanding sekitar 160kg dan 100 barangan pada 2025.

Pencapaian itu lebih dua kali ganda berbanding tahun lalu, sekali gus mencerminkan peningkatan kesedaran dan kemurahan hati masyarakat terhadap inisiatif berkenaan.

Antara sumbangan yang diterima termasuk pakaian bersih dan masih elok digunakan, makanan kering, barangan kebersihan diri, air minuman serta keperluan bantuan lain. Semua barangan diperiksa bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik dan sesuai untuk diagihkan.

Sokongan turut diterima dari luar kawasan Kota Kinabalu, termasuk Menggatal dan Putatan yang mencerminkan semangat keprihatinan dan kebersamaan masyarakat lebih meluas.

Selepas tempoh kutipan berakhir, semua barangan sumbangan akan diasingkan, dibungkus dan diselaraskan bersama rakan kebajikan serta bantuan bencana untuk diagihkan secara bertanggungjawab berdasarkan keperluan sebenar komuniti yang terjejas.

CPS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap penderma dan penyumbang yang menjayakan kempen berkenaan.

Sebagai tanda penghargaan, CPS turut akan menampilkan hantaran penghargaan secara individu kepada para penderma yang memberikan sokongan sepanjang kempen berlangsung.

Orang ramai digalakkan mengikuti CPS menerusi Facebook, Instagram dan TikTok untuk mendapatkan sorotan kempen, hantaran penghargaan kepada penderma serta perkembangan terkini inisiatif #CPCares.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pejabat Pengurusan Centre Point Sabah di talian 088-246900.

Menerusi sokongan berterusan masyarakat, CPS kekal komited untuk mewujudkan impak sosial yang bermakna, memperkukuh daya tahan komuniti serta membina budaya keprihatinan dan tanggungjawab yang lebih kukuh di seluruh Sabah.

Harun menang undi tertinggi AMT WARISAN

SANDAKAN: Ketua Bahagian Parti WARISAN Sabah Kudat, Datuk Harun Ismail mencatat sejarah apabila terpilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi (AMT) parti itu dengan undi tertinggi dalam mesyuarat agung baru-baru ini.

Kemenangan ini sekali gus mengangkat beliau sebagai salah seorang pemimpin utama parti bagi sesi 2026–2029, mencerminkan keyakinan dan sokongan padu daripada perwakilan seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Beliau menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada seluruh perwakilan yang memberikan mandat kepadanya

"Dengan penuh rasa syukur dan rendah hati, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan, kepercayaan dan mandat yang telah diberikan untuk menggalas amanah sebagai Ahli Majlis Tertinggi bagi sesi 2026–2029," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa kemenangan itu bukan kejayaan peribadi, sebaliknya amanah besar daripada keluarga besar WARISAN untuk terus mendengar suara akar umbi, berintegriti serta memperjuangkan hak dan masa depan negeri Sabah.

PERJUANGAN: Harun (dua kanan) bersama AMT WARISAN ketika mesyuarat itu.

Beliau menyeru seluruh anggota parti agar bersama-sama mengangkat aspirasi rakyat, membela kepentingan negeri dan memastikan suara rakyat terus didengar.

Datuk Harun mendahului senarai AMT yang terpilih dengan undi sebanyak 378, diikuti Arunarsin Taib (341), Mudi Dubing (336), Loi Kok Liang,(299) Thien Ching Qiang (292), Majamis Timbong,(276) Adeli Abat (274), Vivian Thien Shin Ying(274), Rahman Jali (267), Mohamad Firdaus Diun(241) Azahari Rangon((235), David William(229), Ag Besar Abd Rasid,(227), Ahmad Hassan(226), Liaw KIt SIong,(225) Juriah binti Uda,(221) Wong Tshun Khee,(213) Zainal Abidin Sahidal,(213) George Jonik (210) Koh PIaw Peng@Koh Kian Ling(206).

PAPIM kekalkan majoriti pemimpin lama

KOTA KINABALU: Majoriti barisan Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Kebajikan Anak Pimping Kota Kinabalu (PAPIM) bagi sesi 2026-2028 terdiri daripada pemimpin lama yang telah berkhidmat selama dua penggal dalam persatuan itu.

Dalam pelantikan terbaharu semasa Mesyuarat Pertama PAPIM baru-baru ini, bekas Bendahari Agung, Awang Kassim Ismail, dipilih ke jawatan Naib Pengerusi merangkap Ketua Biro Agama.

Turut dikekalkan ialah Setiausaha Agung, Ali Hussin Matnoor yang akan dibantu oleh Nur Nazerah Mohd Nizam selaku Penolong Setiausaha.

Mohd Amin Muin turut dikekalkan sebagai Ketua Penerangan bagi penggal ketiga sejak persatuan itu ditubuhkan enam tahun lalu.

AJK lama yang turut dikekalkan ialah Hajah Dayang Rayanih Ag Hamid dan Ag Ghazali Ag Ghani, manakala Mat Tali@Sidek Ag Kassim merupakan seorang sahaja AJK baharu yang dilantik.

SERAH TUGAS: Bendahari lama, Ag Kassim (tengah) menyerahkan tugas kepada kepimpinan baharu PAPIM.

Jawatan Penolong Bendahari akan dilantik kemudian.

Dalam Mesyuarat Agung PAPIM yang berlangsung di Dewan Hijrah Wisma Muis, Sembulan, pada 17 November lalu, Ahmad Dipong menang tanpa bertanding bagi jawatan Pengerusi untuk penggal ketiga.

Bagi jawatan Timbalan Pengerusi dan Bendahari Agung, dua muka baharu dilantik untuk mengisi kedua-dua jawatan itu, iaitu Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Papar, Nor Isham Narawi, dan bekas Pegawai Kanan Perbadanan Pinjaman Sabah, Ismail Baniamin.

Dalam barisan AJK, dua muka baharu yang terpilih ialah Asmah@Rusni Mohd Arsad dan Norhaini Ahmad, manakala Ali Omar Salleh serta Ag Mohd Jainal Mohd Jailani merupakan pemimpin lama yang dikekalkan.

Dalam mesyuarat pertama itu, AJK memutuskan untuk meneruskan Program Baurung-Urung PAPIM 2026 di Dataran Pantai Pimping.

Antara pengisian program ialah Pertandingan Bagandang yang membabitkan penduduk Kampung Pimping, selain sukan tradisional untuk ahli dan keluarga PAPIM seperti Permainan Kuit, Takbidang dan sukaneka.

DALAM AKTIVITI AKTA SYARIKAT 2016

DAN

DALAM PERKARA
AUTOYON PART & MACHINERY (M) SDN. BHD.
[200601014130 (733881-X)]

(Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Anggota AUTOYON PART & MACHINERY (M) SDN. BHD. yang diadakan di S25, Taman Tai Fai Ying 10, Batu 8, Jalan Utara, 90000 Sandakan, Sabah, Resolusi Khas berikut telah diluluskan dengan sewajarnya: "Bahawa Syarikat digulung secara sukarela menurut Seksyen 439(1)(b) Akta Syarikat 2016 dan Puan Wong Shin Yean daripada Platinum Solution Services Sdn. Bhd. Setiausaha Syarikat Bersertifikat Lot 23, Block B2, 1st Floor, Bandar Utama, Mile 6, Jalan Utara, 90000 Sandakan, Sabah dan dengan ini dilantik sebagai Pelikuidasi bagi maksud penggulungan dengan segala kuasa yang diberikan oleh Seksyen 456 Akta Syarikat 2016. "

Tarikh: 28.10.2026

PENGERUSI

24991CH45DK

SABAH, MALAYSIA
DI PEJABAT PENOLONG PEMUNGUT HASIL TANAH
TAWAU

SIASATAN TANAH PPHT (TAWAU) NO. 162 TAHUN 2026

SCHEDULE XXIV
(Section 120, Land Ordinance (Sabah, Cap.68)

NOTICE OF LOSS OF DOCUMENT OF TITLE

Application having been made to the Collector at **Tawau** by **ZAKARIA BIN AHMAD** for a certified copy of **TL** No. **107507951** in the district of **Tawau** on the ground that **AHMAD BIN KREAH** is the **registered owner** thereof and that the issue document of title has been lost/destroyed:

In accordance with the provisions of section 120 of the Land Ordinance, notice is hereby given that, unless within **Three (3)** months of the date of publication of this notice good cause be shown to the Collector of Land Revenue for refusing this application, the certified copy applied for will, subject to the provisions of the said section, be issued.

Dated at **Tawau** this **07/09/2026.**

.....
Binnifis John Biou @ Boniface
Asst. Collector of Land Revenue
TAWAU

288195(KK)O/A

PBLT SDN. BHD.

200501022368 (704498-D)
(Sebuah Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

NOTIS TENDER

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) KAPIT DAN BALAI POLIS KAPIT SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN DI ATAS LOT 464, BLOCK 12, JALAN BLETEH, MENUAN LAND DISTRICT KAPIT, SARAWAK
FASA 2 : KERJA-KERJA BANGUNAN BAGI IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) KAPIT DAN BALAI POLIS KAPIT SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN

Untuk butiran lanjut berkenaan Notis Tender di atas sila layari laman sesawang PBLT Sdn. Bhd. di
www.pblt.com.my

DALAM PERKARA AKTA SYARIKAT 2016 DAN DALAM PERKARA AMAT MUHIBAH SDN BHD (Dalam Penggulungan Sukarela Pemiutang) (No. Syarikat 198701000600) (159267-K)) ("Syarikat tersebut")

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI bahawa pemiutang-pemiutang Syarikat tersebut dikehendaki pada atau sebelum 5.00 petang, 18 November 2026 untuk menghantar nama dan alamat bersama dengan butir-butir hutang dan tuntutan, berserta dengan dokumen sokongan asal dan/atau sokongan yang telah disahkan benar, termasuk semua invois, pesanan penghantaran, penyata akaun dan nota debit/credit ke Baker Tilly Insolvency PLT, Baker Tilly Tower, Level 10, Tower 1, Avenue 5, Bangsar South City, 59200 Kuala Lumpur, dan jika dikehendaki dengan notis menghadirkan diri dan membuktikan hutang dan tuntutan tersebut pada masa dan tempat seperti yang ditetapkan dalam notis tersebut, dan kegagalan berbuat demikian akan mengecualikan mereka daripada sebarang manfaat pembahagian yang dibuat sebelum hutang atau tuntuan dapat dibuktikan.

Nota:
1. Notis dikeluarkan menurut Peraturan 91 Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972.
2. Pemiutang hendaklah mengemukakan Borang Bukti Hutang mengikuti borang yang ditetapkan dan Borang tersebut boleh diperolehi daripada pejabat Penyelesai-Penyelesai seperti yang dinyatakan di atas.

Bertarikh 28 Oktober 2026

ANDREW HENG KUMARAKURU A/L JAI PRAKASH KRISHNAN
Penyelesai-Penyelesai bagi Amat Muhibah Sdn Bhd (Dalam Penggulungan Sukerela Secara Pemiutang)

bakertilly

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TAWAU
PERMOHONAN NO.
2604-H0512-311-0165
DALAM PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SIMATI
BUANG BINTI OSMAN

ROSLAN BIN AHMAD
(NO. KP/DLL : 681211-12-5513)
PEMOHON

Kepada,
SESIAPA YANG BERKENAAN

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI (IKLAN) MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA ROSLAN BIN AHMAD memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah Tawau pada **24hb NOVEMBER 2026,** bersamaan hari **SELASA, jam 09.00 PAGI** dalam **DALAM PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SIMATI BUANG BINTI OSMAN** atas alasan dan cara pembahagian yang terkandung dalam Afidavit Permohonan. Maka diperintahkan supaya satu penyampaian notis kepada **SESIAPA YANG BERKENAAN** dan isinya hendaklah dilaksana secara iklan di **AKHBAR TEMPATAN.**

AMBIL PERHATIAN jika kamu berhajat menentang permohonan ini, atau jika kamu mempunyai kepentingan ke atas harta-harta Simati, kamu atau Peguam Syarie kamu boleh membuat semakan di Mahkamah ini mengenai fakta-fakta permohonan yang tersebut dan selepas itu memfailkan di Mahkamah ini dan dengan menyampaikan satu salinan kepada Pemohon, **NOTIS/AFFIDAVIT BANTAHAN** tidak melebihi daripada tiga (3) hari sebelum tarikh permohonan ini didengar.

Pada **10** haribulan **SEPTEMBER** tahun **2026**

PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TAWAU

Notis ini difailkan oleh **ROSLAN BIN AHMAD** Yang Alamat Penyampaian Baginya **MAJLIS DAERAH LAHAD DATU, LAHAD DATU.**

9607LDCKY

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TAWAU
DI TAWAU

NO. KES MAL : 2608-H0512-314-0359

DALAM PERMOHONAN PELANTIKAN PENTAD BIR / WASI HARTA SIMATI ALIUDDIN BIN HASHIM

FAIRUZ BINTI ALIUDDIN
(NO.KP/DLL : 930821-12-6438)
PEMOHON

Kepada,
SESIAPA YANG BERKENAAN

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI (IKLAN) MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA FAIRUZ BINTI ALIUDDIN memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah Tawau pada **08hb DISEMBER 2026** bersamaan hari **SELASA jam 08:00 PAGI** dalam **DALAM PERMOHONAN PERLANTIKAN PENTAD BIR / WASI HARTA SIMATI ALIUDDIN BIN HASHIM** atas alasan dan yang terkandung dalam Afidavit Permohonan.

AMBIL PERHATIAN jika kamu berhajat menentang permohonan ini, atau jika kamu mempunyai kepentingan keatas harta-harta Simati, kamu atau Peguam Syarie kamu boleh membuat semakan di Mahkamah ini mengenai fakta-fakta permohonan yang tersebut dan selepas itu memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan satu salinan kepada Pemohon, **NOTIS BANTAHAN** tidak melebihi daripada tiga (3) hari sebelum tarikh permohonan ini didengar.

Pada **06** haribulan **OKTOBER** tahun **2026**

PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TAWAU

Notis ini difailkan oleh **FAIRUZ BINTI ALIUDDIN** yang alamat penyampaian baginya di **NO. RH 81, BLOK 4, ANJUNG TEDUH, FELDA SAHABAT 1, LAHAD DATU.**

9606LD CKY

NINEWJO

BMU Kota Kinabalu meriahkan HSN 2026 menerusi karnival bola sepak belia

KOTA KINABALU: Kelab Bola Sepak BMU Kota Kinabalu tidak ketinggalan memeriahkan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2026 menerusi penganjuran Karnival Sukan Bola Sepak Terbuka Belia Kota Kinabalu 2026 di Padang SUKMA A, Likas, Ahad lalu.

Karnival anjuran kelab itu berjaya menghimpunkan 16 pasukan bagi menyertai pertandingan bola sepak yang diadakan sebagai pengisian sambutan HSN di peringkat negeri.

Pengerusi penganjur, Ninewjo Newmond berkata, pasukan Family Team Junior muncul juara, manakala Line Clear meraih gelaran naib juara.

Katanya, Haus FC dan Pukas FC pula berkongsi kedudukan ketiga dalam pertandingan berkenaan.

Bagi kategori individu, Khairul dari Family Team Junior dinobatkan sebagai Penjaring Terbanyak.

Anugerah Penjaga Gol Terbaik diraih Hendika dari Haus FC, manakala Saudin dari Line Clear FC menerima pengiktirafan sebagai Pengurus Pasukan Terbaik.

Sementara itu, Ninewjo merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pasukan atas kerjasama serta komitmen dalam menjayakan program berkenaan.

Beliau berharap penganjuran aktiviti sukan seumpama itu dapat terus menggalakkan penyertaan belia dalam sukan, sekali gus menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat.

Sabah Electricity uji motosikal elektrik untuk operasi lapangan

Dari Muka 1

"Pengalaman anggota kerja yang terlibat turut menjadi faktor penting dalam menentukan kejayaan projek berkenaan," katanya.

Beliau berkata, rekod penggunaan, kos, prestasi dan maklum balas pembaca jangka akan dikumpulkan secara teratur bagi memastikan keputusan seterusnya dibuat berdasarkan data serta keperluan operasi sebenar.

"Sekiranya penilaian mendapati motosikal elektrik itu praktikal, menjimatkan dan sesuai dengan keperluan operasi, Sabah Electricity akan mempertimbangkan pembelian serta peluasan penggunaannya secara berperingkat ke seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Inisiatif itu turut menyokong komitmen syarikat terhadap prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), khususnya menerusi penerokaan teknologi mesra alam serta penggunaan tenaga secara cekap dan bertanggungjawab.

"Sabah Electricity berharap projek perintis itu menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dalam operasi syarikat, selaras dengan usaha menyediakan perkhidmatan cekap kepada pelanggan sambil meneroka penyelesaian mobiliti lebih lestari," katanya.

Dalam Mahkamah Tinggi Syanah Sandakan Di Sandakan
24061CH45DK

Kes No :
2609-I 0412-431-0169

Pemohon :
NORAINI BINTI MONING
No. KP : 870428-49-5200

Dalam Perkara :
Tuntutan Hadhanah
Defendan : ROMAR BIN JAI IIN
No KP : 890415-12-7079

Kepada :
Ahli waris dan sesiapa berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa NORAINI BINTI MONING No. KP : 870428-49-5200 akan memohon ke Mahkamah Tinggi Syariah di Sandakan pada 4 haribulan 11 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk permohonan Hadhanah.

Plaintif menuntut hak jagaan keatas kanak-kanak yang bernama seperti berikut :

1. MOHAMMAD IMAN NAUFAL BIN ROMAR
Mykid 241006-12-1039

IKLAN INI DIBUAT KERANA DEFENDAN TIDAK MEMBERI KERJASAMA DAN TIDAK HADIR KE MAHKAMAH

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu

Pada 27 haribulan OKTOBER tahun 2006

Penolong Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh :
NORAINI BINTI MONING
Alamat penyampaian :
Blok E-2-10 PPR
Taman Batu Putih
Jalan Airport Quarry,
90000 Sandakan, Sabah

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Sandakan Di Sandakan
24080H45DK

Kes No :
2609-L0412-311-1384

Pemohon :
KAMAL BIN HUSSIN
No. KP : 730408125689

Dalam Perkara :
Harta Pusaka Simati
Gemulah (Simati) :
MASNAH BINTI TAHIR
No. Sijil Kematian :
751028125006 / SB 261689

Kepada :
Ahli waris dan sesiapa berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa KAMAL BAN HUSSIN No. KP. 730408125689 akan memohon ke Mahkamah Rendah Syariah di Sandakan pada 05 haribulan 11 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk pembahagian harta simati:-

1. SEBUAH KERETA JENIS TOYOTA HILUX SS4534Y

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

01 Pada haribulan 10 tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh :
KAMAL BIN HUSSIN
Alamat penyampaian :
TAMAN SRI RIMBA LOT A 457 LORONG GAYA 7, 90000 SANDAKAN SABAH

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Sandakan Di Sandakan
24076CH45DK

Kes No :
2609-L0412-311-1391

Pemohon :
NUURENAH BINTI HASAN
No. KP : 900927126180

Dalam Perkara :
Harta Pusaka Simati
Gemulah (Simati) :
MOHD ADIL BIN HASAN
No. Sijil Kematian :
84072125623

Kepada :
Ahli waris dan sesiapa berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa NUURENAH BINTI HASAN No. KP : 900927126180 akan memohon ke Mahkamah Rendah Syariah di Sandakan pada 05 haribulan 11 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk pembahagian harta simati:-

1. KWSP RM 10,990.22

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 01 haribulan 10 tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh :
NUURENAH BINTI HASAN
Alamat penyampaian :
BLOK B10-1-3F TAMAN SEJATI UJANA APARTMENT BATU 7, 90000 SANDAKAN SABAH

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI SANDAKAN
24091CH45DK

TINDAKAN KES MAL /SIVIL NO :
2606-L0412-162-1361

DALAM PERKARA
TUNTUTAN FASAKH
(Seksyen 53, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2004)

ANTARA

ROSNAH BINTI ALAM
No. Kad Pengenalan :
760823-12-5392
- PEMOHON

DENGAN

DATU KASSIR BIN DATU HENERAL
No. Kad Pengenalan :
680526-12-5109
- RESPONDEN

PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

Kepada :-
KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu di Mahkamah ini oleh Plaintif yang mana menuntut / memohon TUNTUTAN FASAKH dan bahawa telah diperintahkan NOTIS PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH dilaksanakan molalui iklan ini.

AMBIL PERHATIAN JUGA bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu mestilah hadir sendiri atau diwakili oleh Peguam Syarie di Mahkamah ini pada 04hb NOVEMBER 2026 hari RABU pukul 09.00 pagi. Jika kamu ingkar hadir sedemikian penghakiman boleh diberikan kepada kamu.

Hadir / tidak hadir keputusan dibuat.

Bertarikh pada 24hb SEPTEMBER tahun 2026.

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Sandakan Di Sandakan

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Sandakan Di Sandakan
24072CH45DK

Kes No :
2609-L0412-311-1399

Pemohon :
Mommy
No. KP : E7738196

Dalam Perkara :
Harta Pusaka Simati
Gemulah (Simati) :
USMAN BIN SAINUDDIN
No. Sijil Kematian :
8303114125977

Kepada :
Ahli waris dan sesiapa berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa Mommy No. KP. E7738196 akan memohon ke Mahkamah Rendah Syariah di Sandakan pada 03 haribulan 11 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk pembahagian harta simati :-

1. KERETA GEN 2 WMA8182
2. MOTORSIKAL YAMAHA RX2 BFF 6042
3. MOTOR YAMAHA Y16212 BRT 3868

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 28 haribulan 09 tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh :
Monmmy
Alamat penyampaian :
KG PERTANIAN GARINONO BATU 25 JALAN LABUK 90000 SANDAKAN.

KOMITMEN: Lee (tengah) mengetuai acara angkat sumpah sempena majlis makan malam itu.

Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah anjur majlis makan malam

KOTA KINABALU: Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah berjaya mengadakan majlis makan malam baru-baru ini.

Ia menghimpunkan ahli persatuan dan tetamu dalam usaha mengeratkan hubungan serta memperkukuh komitmen terhadap perjuangan hak asasi manusia di negeri ini.

Presiden Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah, Lee Pun Yee, berkata majlis itu diadakan di Bangunan Hakka, Tanjung Lipat, serentak dengan upacara angkat sumpah barisan kepemimpinan baharu persatuan itu.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh penasihat undang-undang persatuan, Lim Chun Yuan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Lee merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir serta pihak yang memberikan sokongan bagi menjayakan majlis berkenaan.

Beliau berkata, Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah ditubuhkan pada 2013 dan kini mempunyai pengalaman selama 13 tahun dalam memperjuangkan serta membantu masyarakat menangani pelbagai isu berkaitan hak asasi manusia.

"Saya mengasaskan Persatuan Hak Asasi Rakyat Sabah dan berkhidmat sebagai presiden pertamanya.

"Sepanjang 13 tahun menerajui persatuan ini, kami telah membantu ramai rakyat dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi," katanya.

Menurut Lee, antara isu yang diberikan perhatian termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan, keselamatan, kad pengenalan, sijil kelahiran, status kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, kemudahan jalan raya, lampu jalan, longkang tersumbat dan tangki septik.

Beliau menegaskan bahawa semua isu berkenaan mempunyai kaitan dengan hak asasi manusia, yang merangkumi hak dan kebebasan asas yang dimiliki setiap individu tanpa mengira latar belakang mereka.

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Sandakan Di Sandakan
24073CH45DK

Kes No :
2609-L0412-311-1474

Pemohon :
HALIMAH BINTI MAZIN
No. KP : 501120125306

Dalam Perkara
Harta Pusaka Simati
Gemulah (Simati) :
HJ. MAZIN B MAUN
No. Sijil Kematian :
H0256162 / 414/93

Kepada :
Ahli waris dan sesiapa berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa HALIMAH BINTI MAZIN No. KP : 501120125306 akan memohon ke Mahkamah Rendah Syariah di Sandakan pada 12 haribulan 11 tahun 2026 jam 09:00 pagi untuk pembahagian harta simati:-

1. SEBIDANG TANAH DI SUNGAI PAYAU SANDAKAN

Sesiapa berhajat menentang permohonan, hendaklah memfailkan Notis Bantahan dan Afidavit Bantahan di Mahkamah ini dan menyampaikan salinan kepada pemohon sebelum tarikh tersebut atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Pada 15 haribulan 10 tahun 2026

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Sandakan

Notis difailkan oleh :
HALIMAH BINTI MAZIN
Alamat penyampaian :
LOT 1099 TAMAN HARBOUR VIEW FASA 2 OFF MILE 1A JALAN UTARA SANDAKAN SABAH

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
PEDALAMAN BAWAH
DI BEAUFORT

NO. KES. 2610-I0712-122-0850

NUR FARAH SYARINAH BINTI JULBAHARI
K/P : 990527125930
PEMOHON

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

Kepada : **JULBAHARI**
Alamat Lama : **KAMPUNG NAPARAN, 89850 SIPITANG, SABAH.**
Alamat Baru : **TIDAK DI KETAHUI DI MANA BERADA.**

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa **Plaintif** telah memohon di Mahkamah ini pada **26hb. Oktober, 2026 jam 11.00 pagi dalam Permohonan :**

PERMOHONAN BERKAHWIN BERWALI HAKIM SEKSYEN 122 EUKINS NO. 8 TAHUN 2004

Dan bahawa telah diperintahkan penyampaian **Notis** kepada kamu dilaksanakan melalui iklan ini.

Jika kamu ingin membela atau membantah tindakan tersebut, kamu mestilah hadir sendiri atau diwakili oleh Peguam Syarie di Mahkamah ini pada **02HB. November, 2026, jam 10.00 pagi.** Jika ingkar hadir sedemikian,Penghakiman boleh diberikan terhadap Plaintif.

Bertarikh **27hb Oktober** tahun **2026**

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Pedalaman Bawah
Beaufort

Tuntutan ini difailkan oleh **NUR FARAH SYARINAH BINTI JULBAHARI** yang alamat penyampaian baginya ialah di Alamat **KAMPUNG NAPARAN, 89850 SIPITANG, SABAH**

288240(KK)JLTT

NEGERI SABAH, MALAYSIA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI KOTA KINABALU

PERMOHONAN NO:
2610-L0212-311-1020

DALAM PERKARA: Harta Pusaka Simati:
HANIFAH BINTI SALLEHIN

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

Kepada:
SEMUA AHLI WARIS SIMATI DAN SESIAPA YANG BERKENAAN

AMBIL PERHATIAN bahawa **SHAFIQAH BINTI SALMAT** telah memohon kepada Mahkamah ini pada pukul **9:00 Pagi,** pada **10** haribulan **NOVEMBER** tahun **2026** untuk membahagi harta pusaka Simati **HANIFAH BINTI SALLEHIN** atas alasan dan cara pembahagian yang terkandung dalam Afidavit Bagi Permohonan Pembahagian Harta Pusaka oleh **SHAFIQAH BINTI SALMAT.**

Harta Yang Dituntut:

1. **KENDERAAN PERODUA AXIA-1000 AV (AUTO) / NO PENDAFTARAN : SYH623**
2. **KENDERAAN PERODUA VIVA-1000 EZ (AUTO) / NO PENDAFTARAN : SAA4255Y**

AMBIL PERHATIAN JUGA, jika kamu berhajat menentang permohonan ini atau jika kamu mempunyai kepentingan ke atas harta-harta Simati, kamu atau Peguam Syarie kamu bolehlah membuat semakan di Mahkamah ini mengenai fakta-fakta permohonan yang tersebut dan bolehlah selepas itu memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan satu salinan kepada pemohon Notis Bantahan dan Afidavit tidak lebih daripada TIGA (3) hari selepas tarikh permohonan ini didengar.

Pada: 12hb Oktober 2026

PENOLONG PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
KOTA KINABALU

Notis Permohonan Pembahagian Harta Pusaka ini difailkan oleh **SHAFIQAH BINTI SALMAT** yang alamat penyampaiannya ialah di **UNIVERSITY UTAMA CONDOMINIUM PHASE 2 BLOK W-0-18 JLN KAYU MADANG 88450 KOTA KINABALU SABAH.**

288194(KK)O/A

# # # # # # # # # # # #
# # # # # # # # # # # #

Kapitan Liawan desak SESB atasi bekalan elektrik tidak stabil

KENINGAU: Beban kuasa tidak stabil dan kapasiti bekalan tidak mencukupi di tujuh kawasan perumahan di kawasan Liawan mendorong tiga kapitan bertindak mengadakan kunjungan hormat ke Sabah Electricity (SE) cawangan Keningau baru-baru ini.

Kunjungan diketuai Kapitan Lin Ten Kin @ Thomas Liew bersama Kapitan Fang Hui Min dan Kapitan Foh Su Ming.

Menurut Thomas, kunjungan itu susulan aduan bertali arus daripada penduduk Jalan Biriawa, Jalan Bariawa Ulu Bukit Permai, Taman Adika Fasa 11 dan 12, Kampung Keningau, Taman Anika dan Jalan Masak.

"Di Kampung Bariawa Ulu Bukit Permai, bekalan tidak mencukupi. Bila penduduk guna peti sejuk, penyejuk beku serentak, voltan jatuh, beban tidak stabil. Ini sudah lama," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata mereka berharap SE dapat melakukan penambahbaikan segera dan penyelesaian kekal termasuk menaik taraf pencawang, kabel serta pengimbangan beban bagi menampung pertambahan rumah.

Sementara itu, pihak SE Keningau memberi jaminan akan meneliti aduan tersebut dan mengambil tindakan susulan di lapangan.

KUNJUNGAN: Thomas (tiga kiri) menunjukkan isyarat bagus terhadap layanan petugas SE Keningau semasa kunjungan itu.

PESAN Sabah perkukuh persiapan menghadapi bencana

Latihan simulasi pengurusan PPS meningkatkan kecekapan penyelarasan operasi dan pemindahan penduduk

Oleh Hamzah Sanudin

SEMPORNA: Kesiapsiagaan menghadapi bencana di Sabah terus diperkukuh menerusi latihan simulasi pengurusan pusat pemindahan sementara (PPS) bagi meningkatkan kecekapan penyelarasan operasi, pemindahan penduduk dan pengurusan kebajikan mangsa.

Program Latih Amal dan Simulasi Pengurusan PPS Negeri Sabah 2026 anjuran Pertubuhan Sukarelawan Anak Negeri Sabah (PESAN Sabah) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) itu berlangsung selama dua hari di Dewan Arena Masyarakat Semporna.

Program berkenaan menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, pasukan keselamatan, badan sukarela dan komuniti setempat bagi menguji keberkesanan prosedur serta memperkemas kerjasama dalam menghadapi situasi kecemasan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM, Rosmahwati Ishak, berkata pengurusan bencana memerlukan komitmen menyeluruh semua pihak dan tidak boleh diserahkan kepada satu agensi sahaja.

Beliau berkata, kerjasama strategik antara agensi kerajaan, pertubuhan sukarela dan komuniti penting bagi memastikan keselamatan serta kebajikan mangsa bencana sentiasa terpelihara.

Beliau turut mengiktiraf peranan PESAN Sabah sebagai rakan strategik kerajaan dalam membangunkan keupayaan sukarelawan dan meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat sebelum bencana berlaku.

KEMAS KINI: Sukarelawan mengemas kini maklumat dan status mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

SIMULASI: Sukarelawan melaksanakan latihan pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS), Jais Asri, berkata pengurusan PPS memerlukan perancangan menyeluruh, bukan sekadar menyediakan tempat perlindungan kepada penduduk terjejas.

Katanya, aspek pendaftaran dan penempatan mangsa, bekalan makanan, logistik, kebersihan serta keperluan golongan rentan termasuk warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan ibu hamil perlu diberikan perhatian.

Pegawai Daerah Semporna, Mas Syazwan Masood, pula berkata keadaan geografi daerah itu yang merangkumi kawasan pesisir pantai, perkampungan atas air dan pulau memerlukan kesiapsiagaan tinggi serta penyelarasan operasi kecemasan yang berkesan.

Menurutnya, latihan simulasi penting bagi menguji prosedur operasi, memperkemas komunikasi antara agensi dan mengenal pasti kelemahan yang perlu ditambah baik sebelum berhadapan dengan bencana sebenar.

LATIHAN: Sukarelawan menjalani simulasi pengumpulan dan pengurusan bekalan bagi kegunaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

PESAN SABAH: Pasukan di belakang tabir yang menjayakan program latihan simulasi pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Pengerusi PESAN Sabah, Mohammad Samsol Md Rahmat, berkata pertubuhan itu berhasrat memperkasakan peranan sukarelawan sebagai rakan sokongan agensi kerajaan dalam kesiapsiagaan dan pengurusan bencana.

Beliau berkata, sukarelawan perlu dilengkapi pengetahuan, kemahiran dan disiplin supaya bantuan dapat disalurkan secara selamat, teratur dan berkesan ketika kecemasan.

Latihan berkenaan dilaksanakan menerusi dua komponen utama, iaitu Tabletop Exercise (TTX) pada hari pertama dan Full Scale Exercise (FSE) pada hari kedua.

TTX memberi tumpuan kepada simulasi proses membuat keputusan, perkongsian maklumat dan penyelarasan tindakan berdasarkan senario kebakaran di kawasan penempatan rumah atas air.

FSE pula menguji pelaksanaan tindakan secara praktikal, termasuk penyelarasan operasi lapangan, pemindahan penduduk dan pengoperasian PPS bagi memastikan keperluan asas serta kebajikan mangsa diurus secara sistematik.

Penyelaras program, Dr Roger Romeo, berkata kejayaan latihan bencana bukan semata-mata diukur berdasarkan kelancaran simulasi, sebaliknya keupayaan peserta mengenal pasti kelemahan dan melaksanakan penambahbaikan.

Beliau berharap latihan bersepadu itu dapat diperluaskan ke daerah lain di Sabah, khususnya kawasan berisiko tinggi yang berdepan cabaran geografi dan akses perhubungan.

Katanya, penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam latihan seumpama itu mampu memperkukuh ketahanan komuniti melalui pendidikan, latihan dan kerjasama berterusan dengan agensi berkaitan.

PTPTN perinci mekanisme penangguhan bayaran balik, umum dalam masa terdekat

GEORGE TOWN: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedang memperincikan mekanisme pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman bagi peminjam berpendapatan rendah seperti diumumkan menerusi Belanjawan 2027.

Pengerusi PTPTN Datuk Seri Norliza Abdul Rahim berkata perincian mengenai kaedah pelaksanaan inisiatif itu sedang dibincangkan bersama Kementerian Kewangan dan akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Bagi mereka yang berpendapatan di bawah RM2,500, pembayaran ansuran akan ditangguhkan, manakala kalau (pendapatan) RM2,500 hingga RM3,000, (bayar) RM50 sahaja. Pendapatan atas RM3,000 kena bayar seperti biasa.

"Secara terperinci, kita masih dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan akan mengumumkan kaedahnya secara lebih komprehensif dalam masa terdekat," katanya pada Program Junior Superhero Simpan SSPN 2026 di Hospital Pulau Pinang di sini semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2027 pada 9 Okt lepas, mengumumkan kerajaan bersetuju memberikan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam berpendapatan bawah RM2,500 sebulan.

Menteri Kewangan itu berkata peminjam berpendapatan antara RM2,500 hingga RM3,000 sebulan pula hanya dikenakan bayaran balik minimum RM50, selain peminjam yang tidak mempunyai tunggakan dan membuat bayaran balik secara teratur pula akan diberikan diskaun sebanyak 10 peratus.

Dalam pada itu, Norliza berkata peminjam yang bekerja dan berkemampuan digalakkan untuk terus membuat bayaran balik secara konsisten, dengan mereka yang berbuat demikian layak menikmati diskaun 10 peratus seperti diumumkan menerusi Belanjawan 2027.

Beliau turut menggalakkan peminjam yang mempunyai tunggakan supaya berunding dengan PTPTN bagi membuat penstrukturan semula bayaran bagi mengelakkan mereka daripada termasuk dalam golongan yang disenarai hitam PTPTN. — Bernama

Pekerja ladang bunuh rakan sekerja dipenjara 18 tahun

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Gara-gara wang pinjaman RM20, seorang pekerja ladang kelapa sawit sanggup menikam rakan sekerjanya hingga mati sebelum melarikan diri dari lokasi kejadian.

Akibat perbuatannya itu, tertuduh berusia 29 tahun dijatuhi hukuman penjara 18 tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini, pada Isnin, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan menyebabkan kematian mangsa dalam kejadian di Papar, Januari tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman Ratanah Devi Yusof Perumal menjatuhkan hukuman terhadap warga Indonesia itu mengikut Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditangkap pada 31 Januari 2025, selain merujuknya kepada Jabatan Imigresen kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku antara jam 6 petang hingga 8 malam, 30 Januari 2025, di rumah kongsi pekerja Ladang Sawit Koperasi Anak-Anak Tempatan Pantai Barat, Jalan Ulu Bongawan, Papar.

Semuanya bermula apabila mangsa menyindir tertuduh berhubung wang RM20 yang dipinjamnya daripada isteri mangsa.

Sindiran itu mencetuskan pertengkaran sehingga beberapa individu di kawasan rumah kongsi cuba meleraikan mereka.

Kedua-duanya kemudian dinasihatkan supaya pulang ke rumah masing-masing dan keadaan dilihat reda buat seketika.

Bagaimanapun, pertengkaran kembali tercetus sebelum tertuduh masuk ke rumahnya untuk mengambil sebilah pisau berhulu kayu sepanjang kira-kira 27 sentimeter.

Walaupun dihalang isterinya, tertuduh tetap keluar dengan membawa pisau berkenaan sebelum meluru ke arah mangsa.

Isteri mangsa yang ketakutan cuba melindungi suaminya dengan memeluknya dari belakang, namun tertuduh menikam mangsa beberapa kali pada badan hingga berlumuran darah dan rebah. *

Mangsa bagaimanapun sempat bangun dan mengambil sebilah sabit dari dapur rumah sebelum keluar semula.

Seorang pekerja ladang kemudian menyambut mangsa yang hampir rebah sebelum membaringkannya di atas tanah, namun mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Selepas kejadian, tertuduh melarikan diri dari rumah kongsi berkenaan sebelum ditahan polis pada 31 Januari 2025 di Kampung Ulu Lumagar, Bongawan.

Tertuduh pada awalnya didakwa atas pertuduhan membunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan sebelum mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 304(a) kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Lovely Natasha Charles, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamed Zairi Zainal Abidin.

Siasatan kes dikendalikan Pegawai Penyiasat Polis, Inspektor Desmond Tanggapan.